



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 23

RABU 10 JUN, 1987.

رابعو 12 شوال 1407

PERCUMA



Menjirus Ayeng Asah-asahan

PADA hari Rabu, 3 Jun lalu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke Kubah Makam Diraja bagi satu majlis tahlii.

Gambar — Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjiruskan Ayeng Asah-asahan ke atas pusara Makam Ayahanda Baginda (kiri) Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dan (kanan) Makam Almarhumah Bonda Baginda. (Lagi gambar-gambar di muka surat 3 — Gambar oleh Pg. Hj. Yaakub PMHH).

Sentiasa wujudkan sifat dedikasi dan ... **DISIPLIN KETENTERAAN YANG TINGGI — Titah**

PERKEMAHAN BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengingatkan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) supaya sentiasa mewujudkan sifat

dedikasi dan disiplin ketenteraan yang tinggi di dalam diri masing-masing.

Selain daripada itu Baginda juga bertitah bahawa para anggota mestilah meningkatkan profesionalisma dan mematuhi segala peraturan dan tatasusila ketenteraan.

"Hendaknyalah anggota-anggota ABDB menjauhkan diri dari terlibat dalam perkara-perkara jenayah dan juga daripada gejala-gejala penyalahgunaan dadah kerana dengan cara demikian akan dapat mengekalkan imej ABDB sebagai ketumbukan pertahanan negara yang berwibawa dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat," titah Baginda.

Oleh Ahat Hj. Ismail

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian dalam titah keputusan sempena memperingati hari ulang tahun ABDB ke-26 yang dibacakan oleh Ketua Turus ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bertempat di padang kawat Perkemahan Berakas pada 30 Mei lepas.

Terdahulu dari itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah ABDB telah pun mencapai peringkat dewasa bila ianya mencapai usia ke-26 tahun sejak ditubuhkan.

Dalam jangka waktu itu, titah Baginda, kita telah pun sama-sama menyaksikan bagaimana ABDB yang mula-mula ditubuhkan sebagai satu unit ketumbukan pertahanan negara yang kecil, telah pun berkembang sedikit demi sedikit mengikut arus perubahan zaman dan waktu sebagai ketumbukan pertahanan negara yang lengkap dengan mempunyai berbagai-bagai bahagian di dalamnya dan berkeupayaan untuk menjamin dan menjaga keselamatan negara dan rakyat di negara ini.

"Kedewasaan yang Beta maksudkan itu, jelas nampak dilihat dalam mana anak-

Lihat muka 20

Perutusan tahniah dari DYMM

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menghantar tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Sweden pada 6 Jun lalu.

MANISNYA IMAN

"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: 'Tiga golongan, Tuhan tidak berkata kepada mereka di hari kiamat dan tiada member-sihkannya mereka: Orang tua yang berzina, raja yang bohong dan orang miskin yang sempong.'" — Hadis Nabi riwayat Muslim dari Abu Hurairah radhiallahu anhu.

PETIKAN TITAH

“Di dalam menyelenggarakan apa jua bentuk rancangan kemajuan dan pembangunan negara adalah menjadi hasrat Kerajaan Beta untuk memastikan penglibatan pihak swasta di negara ini untuk bekerjasama dalam melaksanakan rancangan-rancangan tersebut dengan mengikut kemampuan dan keupayaan mereka.”

Disiarkan sempena Hari Kebangsaan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 22 Februari, 1987

**Jadilah Masyarakat Berdisiplin Dengan
Memantuni Kemudahan Awam**



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP TIAP HARI RABU

10 JUN, 1987

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KEMATANGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga selaku Menteri Pertahanan telah beritahu dengan menekankan bahawa angkatan bersenjata negara kita telah pun mencapai peringkat dewasa.

Dari satu unit ketumbukan kecil pertahanan negara telah pun berkembang mengikut keadaan semasa hingga menjadi ketumbukan pertahanan negara yang lengkap, bahkan digalati oleh negara luar.

Dalam usianya yang masuk ke-26 tahun, angkatan bersenjata negara kita telah berkeupayaan menunjukkan kemampuan serta kecekapan tersendiri yang cecak dalam setiap aspek ketenteraan bagi menjamin dan memastikan kedaulatan serta pertahanan tanahair sentiasa dalam keadaan terpelihara dan terkawal.

Kesan dari kematangan angkatan bersenjata negara kita ini ialah wujudnya ketenteraan dan keamanan yang berterusan bagi membolehkan rakyat dan penduduk hidup rukun damai, saling bantu membantu di samping sentiasa bersedia setiap ketika menghulurkan kerjasama. Sikap kerjasama memang sudah menjadi budaya kita, bukan sahaja antara rakyat dan penduduk dengan Kerajaan malahan antara orang ramai dengan anggota tentera.

Sesuai dengan semangat yang terkandung dalam titah ini maka adalah menjadi tanggungjawab kita bersama, orang ramai dan anggota tentera terutamanya, menjadikan angkatan bersenjata kita sebagai benteng yang benar-benar berkesan dan mempunyai kewibawaan dalam menjamin keselamatan dan kedaulatan negara serta maruah bangsa dan kesucian ugama.

Tujuan ke arah ini sudah lama dimulai dan berhasil tetapi sekarang ia tambah dikemaskinikan. Pertahanan negara kita sentiasa dilengkapi dengan peralatan yang sophisticated. Peralatan-peralatan yang moden selari dengan perkembangan teknologi ketenteraan di samping mengikut kehendak-kehendak negara dari semasa ke semasa berasaskan kepada pergolakan-pergolakan yang terdapat di sekitar kita baik serantau mahupun antarabangsa.

Kerana itu, latihan-latihan khusus dan kemahiran ketenteraan yang terperinci sentiasa dan terus menerus diambil kira untuk diperdalam dan dipelajari oleh mana-mana anggota tentera yang bersesuaian. Semuanya ini merupakan penanaman modal urat saraf jangka panjang yang diperhitungkan dapat meningkatkan lagi sikap kepahlawanan yang unggul di kalangan anggota tentera kita.

Dalam pada itu, kewibawaan pertahanan kita juga terletak pada sikap dedikasi dan disiplin ketenteraan yang tinggi yang perlu menyerap dan sehati dalam jiwa setiap anggota tentera. Disiplin ketenteraan dengan mematuhi peraturan-peraturan dan tatatertib ketenteraan sangat penting diamalkan oleh setiap anggota tentera bagi menjamin nilai suci dan murni keperwiraan itu.

Masanya belum lagi lewat untuk setiap anggota tentera bagi menilai kembali prestasi dan kejayaan yang telah dicapai di samping berusaha meningkatkan profesionalisme ketenteraan. Kita berkeyakinan semangat kematangan dan kedewasaan Angkatan Bersenjata kita akan sentiasa dipertahankan malah dimajukan lagi agar ketenteraan dan keamanan yang sedang kita nikmati ini akan dikekalkan yang secara tidak langsung menanamkan kepekaan orang ramai terhadap apa jua aktiviti-aktiviti anggota tentera kerana orang ramai dengan pihak tentera tidak dapat dipisahkan.

Bismillah Hirrahman
Nirrahim

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, yang mana dengan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun beramai-ramai bagi merayakan hari yang bersejarah kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei iaitu Hari Ulang Tahun Yang Ke-26. Beta juga merasa syukur kerana Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun ini adalah juga jatuh pada bulan Syawal yang mana ianya disambut dalam suasana kemeriahan Hari Raya Aidilfitri. Bersempena dengan ini, maka Beta mengambil kesempatan untuk mengucapkan kepada semua pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan keluarga-keluarga mereka Selamat Ulang Tahun Yang Ke-26 dan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Dengan tercapainya umur yang ke-26 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, ianya telah menunjukkan kepada kita bahawa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah pun mencapai peringkat dewasa. Dalam jangka waktu itu juga kita telah pun sama-sama menyaksikan bagaimana Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang mula-mula ditubuhkan sebagai satu unit ketumbukan pertahanan negara yang kecil, telah pun berkembang sedikit demi sedikit mengikut arus perubahan zaman dan waktu sebagai ketumbukan pertahanan negara yang lengkap dengan mempunyai berbagai-

bagai bahagian di dalamnya dan berkeupayaan untuk menjamin dan menjaga keselamatan negara dan rakyat di negara ini. Kedewasaan yang Beta maksudkan itu juga jelas nampak dilihat dalam mana anak-anak tempatan telah pun menyandang serta mengisikan jawatan-jawatan tinggi dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang mana dahulunya dipegang oleh pegawai-pegawai pinjaman daripada Angkatan Bersenjata Paduka Seri Baginda Queen.

Adalah menjadi hasrat Beta dan juga Kerajaan Beta akan sentiasa memberikan perhatian yang penuh dan teliti, di samping bidang-bidang yang lain, ke atas perkembangan dan kemajuan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Dengan cara demikian, ianya akan dapat membentuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai benteng dan ketumbukan pertahanan negara yang benar-benar berkesan, efisien dan mempunyai creditability di dalam menjamin keselamatan, kemerdekaan dan kedaulatan negara serta maruah bangsa dan kesucian ugama.

Bagi pencapaian matlamat yang Beta nyatakan ini, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa diperlengkapkan dengan peralatan yang sophisticated dan moden mengikut dengan perkembangan teknologi ketenteraan dan juga dengan mengikut kehendak-kehendak negara dari semasa ke semasa, dengan bersandarkan kepada pergolakan-pergolakan yang terdapat di sekitar kita sama ada serantau mahupun antarabangsa. Dalam pada itu juga, latihan-latihan khusus dan mahir akan sentiasa diberikan kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei baik di dalam mahupun di luar negeri.

Bersempena dengan Hari Ulang Tahun Angkatan

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-26 pada 31 Mei, 1987.



Bersenjata Diraja Brunei ini, adalah Beta harapkan pegawai-pegawai dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan dapat melihat dan menilai kembali prestasi dan kejayaan-kejayaan yang telah pun dicapai di tahun-tahun kebelakangan, dan berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan daya usaha mereka. Sehubungan dengan ini, Beta ingin mengingatkan kepada semua anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Darussalam akan pentingnya untuk mewujudkan dedikasi dan disiplin ketenteraan yang tinggi di dalam diri masing-masing. Di samping itu mereka mestilah meningkatkan profesionalisme dan mematuhi peraturan-peraturan dan tata tertib-tata tertib ketenteraan yang sedia ada. Hendaknyalah anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menjauhkan diri dari terlibat dalam perkara-perkara jenayah dan juga daripada gejala-gejala penyalahgunaan dadah kerana dengan cara demikian, ianya akan dapat mengekalkan imej Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai ketumbukan pertahanan negara yang berwibawa dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat.

Di dalam usaha untuk mengemaskinikan sistem pertahanan negara dan juga membolehkan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bertindak balas yakni response ke atas setiap jenis ancaman yang mungkin dihadapi, berbagai langkah telah pun dirancang dan dikenal pasti oleh Kementerian Pertahanan dengan mengadakan pengkajian yang mendalam dan terperinci. Antara lain ialah penubuhan Pasukan Simpanan yang mana pada peringkat awal akan dianggotai oleh bekas-bekas perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, yang mana akan dibentuk pada penghujung tahun ini, insya-Allah. Menuju ke arah ini,

persediaan-persediaan langkah-langkah yang pun dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan Beta.

Sementara itu, dari usaha untuk meningkatkan Negara Brunei Darussalam terutamanya keselamatan perannya perbatasan, Kementerian Pertahanan juga telah merencanakan dengan membuat pengkajian penyelidikan yang akan menggunakan teknologi-kelengkapan yang moden mempunyai teknologi tinggi yang mana dapat dilaksanakan nanti, yang dapat menimbalkan kekurangan di dalam pertahanan negara yang dapat pada masa ini diharapkan, apabila dilaksanakan nanti, pegawai-pegawai dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan mengikut pelbagai latihan-latihan sistematis dan komputer yang diberikan dengan sepenuhnya iaitu dengan memahirkan diri masing-masing dalam setiap latihan dan mempelajari serta menimba penguasaan teknologi tentera yang diberikan itu nanti.

Akhirnya, sempena yang bersejarah ini Beta ingin mencatatkan dengan penghargaan dan kasih kepada semua pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah berkhidmat sepanjang tahun dengan penuh taat setia, jujur dan efisien, dan melaksanakan tugas-tugas mereka menurut tata tertib peraturan-peraturan yang sudah ditentukan oleh ketua mereka. Beta juga semangat kerjasama disiplin yang tinggi yang ditunjukkan itu akan berterusan dan dapat meningkatkan lagi dari masa ke semasa.


Sekian, Wabillahi Ta'ala Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memeriksa perbarisan ketika Baginda berangkat mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai ABDB di Berakas Garrison awal tahun ini.

DYMM berangkat ke Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja

Gambar-gambar oleh Pg. Hj. Yaakub PMHH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (gambar kanan atas) beserta lain-lain kerabat Diraja di Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar (gambar atas kiri) ketika menjiraskan Ayeng Asah-asahan. Juga menjiraskan Ayeng Asah-asahan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (gambar kanan) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan (gambar kiri).



YANG Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri Kabinet, Setiausaha Tetap, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Ugama dan lain-lain orang bergelar yang hadir sama di majlis tersebut.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-384

RIBA DAN INTERES

Riba pada hutang :

Di bawah ini saya turunkan suatu fatwa Al-Allamah As-Syed 'Alwi bin Tahir Al-Haddad Rahimahullah Mufti Johor dari Majalah Warta Jabatan Agama Johor bilangan 39 tahun yang keempat :

Riba dalam Syarikat Kerjasama :

Ketahuilah bahawa memin-dahkan milik itu adalah tidak dapat tiada dikehendaki ada Sighah (lafaz) melainkan sedekah pada qaul muktamad (tidak berkehendakkan sighah), maka barangsiapa mengambil sesuatu daripada harta orang lain, dengan tiada sighah yang menunjuk-kan reda dan pindah milik, nescaya jadilah ia orang yang merampas (Ghasib), wajib di atasnya memulangkan balik dan haram ia berkuasa ke atasnya (sesuatu). Kiranya barang itu binasa, wajib ia mengganti dengan harga yang lebih tinggi, maka jika dengan sighah yang fasid seperti akad hutang serta ada

Faedah yang diambil dari menghutang dan menyimpan wang di bank: (Siri Kedua)

syarat pulang lebih, nescaya jadi hukumnya seperti hukum rampas (Ghasab) juga, kerana fasadnya sekalipun diketahui orang itu reda, maka tiadalah sah bagi tuan hutang mengambilnya kerana tiada ada tukar ganti ('Iwad) dan tiada barang yang mewa-jibkan pindah milik. Tatkala itu ia jadi rampasan, maka di sisi imam-imam yang tiga (Abu Hanifah, Malik dan Ahmad bin Hanbal) iaitu riba semata-mata, kerana mereka tidak mensyaratkan lafaz bagi menunjukkan ada reda dan sah akad.

Adapun mazhab Imam Shafie pada akad-akad seperti jual beli, hutang, gadai dan lain-lain itu disyaratkan reda dan disyaratkan ada sighah akad, maka sighah itu sahaja di sisi Imam Shafie menun-

jukkan kepada reda, maka jual riba itu batal di sisi Shafie sekalipun ada sighah akad yang menunjukkan kepada reda yang demikian, maka lebih utama batalnya di sisi Shafie jika tiada sighah langsung, sayugialah ambil ingatan perkataan ini kerana setengah-tengah orang lalai pada tempat ini, disalinnya khilaf tentang jual Mu'aatah (unjuk beri) kepada bab riba, kemudian katanya sah riba dengan Mu'aatah, ini satu salah yang besar. Yang betulnya iaitu batil sisi Shafie dan benda yang diambil itu rampasan (Ghasbun), di sisi imam yang tiga iaitu riba yang terang dilaknatkan orang yang membuatnya.

Surat di dalam jual beli, gadai, hutang dan lain-lain itu jumlah (diiktibarkan)

daripada akad juga, "dikecualikan nikah" serta ada niat maka jadilah ia seperti sighah dengan berlafaz.

Adapun talak sah dengan surat serta ada lafaz, tetapi tidak sah dengan surat kerana ada saksi dua orang dan surat itu tidak sarih (terang) melainkan berserta dengan niat, maka saksi tidak mengetahui akan perkara yang di dalam hati orang yang menyurat, dari itu tidak sah nikah melainkan dengan lafaz yang sarih supaya didengar oleh saksi.

Bahasan cakap di dalam perkara yang setengah-setengah orang telah tersalah dan tergelincir pada masalah ini panjang lebar, ringkasnya demikian : Apabila tuan

hutang berkehendakkan yang berhutang membayar lebih daripada hutang dan dimilikinya tuan hutang dengan jalan nazar atau hibah atau sebagainya, padahal orang yang berhutang itu tiada bersyarat begitu, ketika berhutang dengan lafaz atau surat, nescaya harus. Adapun jika ada syarat sekalipun dengan surat berserta akad iaitu riba istimewa kalau yang berhutang itu mengetahui yang ia akan dihukum jika tiada membayar lebih kerana tuan hutang akan men-jalankan dakwa atasnya menurut kehendak undang-undang.

Jika tuan hutang dan yang berhutang telah bermuafakat lebih dahulu ia akan mem-balikkan lebih dengan lafaz



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Uti bin Umar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

nazar atau hibah semasa akad hutang dan jika disebut di dalam surat hutang pada lafaz atau suratnya, nescaya demikian itu makruh seperti apa helah-helah yang lain yang mengehutarkan daripada ini ini adalah pada hakikat dunia.

Adapun pada hutang akhirat jika qasad nazar atau hibah kerana tujuan riba itu diketahui Allah Ta'ala memperbuat begitu qasad nazar atau hibah akhirat itu mengikat qad itu. Inilah ringkasan yang tersebut di dalam Bayan Mustashidin dan lain-lain. 'Alwi bin Tahir Al-Haddad Mufti Kerajaan Johor.

WALLAHUAKLAM (Bersambung)



200 ORANG HADIRI CERAMAH UGAMA

PULAIE. — Hampir 200 orang ahli-ahli Persatuan Pertiwi di seluruh negara menghadiri ceramah agama yang diadakan baru-baru ini di Pusat Dakwah Islamiah di sini.

Ceramah yang bertajuk "Dakwah Islamiah" disampaikan oleh Dayang Hajjah Umi Kalsum binte Haji Moe-

qri Abadi dari Kalimantan Indonesia.

Terdahulu dari itu, majlis diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Mastura binti Haji Salleh dan diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengerusi Majlis, Dayang Hajjah Zainab binte Haji Zainal Abidin.

SEBAHAGIAN daripada ahli persatuan Pertiwi yang menghadiri ceramah agama di Pusat Dakwah Islamiah (gambar kiri). Sementara gambar kanan menunjukkan ceramah yang bertajuk "Dakwah Islamiah" yang disampaikan oleh Dayang Hajjah Umi Kalsum binte Haji Moeqri. — Gambar oleh Rashed.

Waktu Sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 10 Jun hingga ke hari Selasa 16 Jun, 1987 adalah seperti di bawah ini :—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Jun												
10	12.22	3.46	3.47	6.31	6.32	7.47	7.48	4.51	4.37	4.52	6.07	6.08
11	12.22	3.46	3.47	6.31	6.32	7.47	7.48	4.51	4.37	4.52	6.07	6.08
12	12.22	3.46	3.47	6.31	6.32	7.47	7.48	4.51	4.37	4.52	6.07	6.08
13	12.22	3.46	3.47	6.32	6.33	7.48	7.49	4.51	4.37	4.52	6.07	6.08
14	12.23	3.47	3.48	6.32	6.33	7.48	7.49	4.52	4.38	4.53	6.07	6.08
15	12.23	3.47	3.48	6.32	6.33	7.48	7.49	4.52	4.38	4.53	6.08	6.09
16	12.23	3.47	3.48	6.32	6.33	7.48	7.49	4.52	4.38	4.53	6.08	6.09

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

RAMALAN CUACA ←-- minggu ini --→

PADA beberapa hari awal minggu ini cuaca dijangka baik cuma ribut petir berasingan pada lewat petang. Kejadian ribut petir di lewat petang atau awal malam dijangka akan bertambah menjelang akhir minggu dan kemungkinan hujan di kawasan-kawasan pantai pada awal pagi.

Ramalan cuaca ini adalah untuk 10 Jun hingga 16 Jun, 1987.

Jauhi sifat yang membinasa dan melemahkan masyarakat

MARILAH kita bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Sesuai dengan kita baharu sahaja melalui bulan Ramadan yang mulia, marilah kita mengingat-ingat kembali tentang penangguhan kita menahan perut

(lapar), bahawa perbuatan itu sebenarnya tidak tercela tetapi sebaliknya yang tercela ialah membesarkan perut (kuat makan).

Untuk itu, maka marilah kita merenungkan sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Sifat-sifat yang paling aku bimbang berlaku atas umat ku ialah: Perut besar, selalu tidur, malas dan lemah iman. (Hadis Riwayat Ad-Dar Qutni)."

Dalam hadis ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan umat Islam supaya menjauhi sifat-sifat yang boleh membinasakan seorang dan dengan serentak melemahkan masyarakat. Sifat-sifat tersebut ialah terlalu banyak makan dan tidur, malas dan lemah iman.

Banyak makan bukan sahaja boleh mendatangkan berbagai-bagai penyakit dan menambahkan berat badan, bahkan boleh mengurangkan kecerdasan berfikir dan melemahkan akal, serta seterusnya mengurangkan perasaan khusyuk dalam beribadat. Hal ini tidak payah kita perintahkan lagi kebenarannya, sebab sudah jelas diakui, oleh siapa sahaja.

Demikian pula banyak tidur atau selalu tidur, ia bukan sahaja menyebabkan kepicikan rezeki dan ilmu pengetahuan, bahkan menjadikan juga hidup seseorang sia-sia dan tertinggal di belakang dalam pergelutan hidup ini. Betapa tidak,

Ralat

MUKA surat 10 Pelita Brunei keluaran 3 Jun, 1987 terdapat kesilapan dalam keterangan gambar yang sepatutnya dibaca Ketua Turus Angkatan Bersenjata, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, dan Pemerintah Angkatan Tentera, Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Brigadier Jeneral Dato Paduka Sulaiman bin Haji Damit.

Penyunting memohon maaf atas kesilapan tersebut.

bukankah banyak tidur itu kadang-kadang merupakan satu helah ilmu jiwa untuk mengelakkan tanggungjawab-tanggungjawab yang berat atau sahaja kerana memang tidak gemar menghadapi masalah-masalah dan kenya-taan, di mana suatu itu sahaja merupakan gejala-gejala kerugian dan bencana.

Demikian pula sifat malas adalah kunci segala kegagalan baik dalam urusan-urusan dunia mahupun dalam urusan yang mengenai hidup di akhirat, yang berpangkal dari ibadat kepada Allah Taala.

Kemudian akhir sekali yang ditakuti oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah lemah iman, lemah kepercayaan kerana iman atau kepercayaan itu ibarat

tenaga penggerak atau tem-buk kebal yang tidak boleh ditembusi, jika ia lemah atau ruyut maka mudahlah hidup seorang itu dikotak-ketikan oleh syaitan atau ejen-ejennya, yang memang tidak suka melihat umat Muham-mad yang beriman terus men-jadi hero yang diredai oleh Allah.

Oleh hal yang demikian, wahai kaum Muslimin marilah kita baca dan fahamkan baik-baik hadis ini, yang mengingatkan kita, bahawa perbuatan makan banyak, tidur banyak, malas dan lemah iman itu adalah merupakan empat serangkai yang sangat merbahaya kepada hidup, kepada pem-bangunan, yang kerana itulah ia ditakuti oleh Nabi kalau-kalau menjadi pakaian kepada umatnya.



Contoh darah

PASUKAN Kaji Serangga dari Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan akan melawat Kampong Penanjong di Daerah Tutong untuk mengambil contoh-contoh darah penyakit untut. Mereka akan berada di kam-pung itu selama empat hari bermula pada 15 Jun depan. Lawatan dari rumah ke rumah itu bermula pukul 7 malam.

HADIRI SIDANG MABBIM DI JAKARTA

BANDAR SERI BEGAWAN. — 12 orang pegawai Kerajaan kini sedang berada di Indonesia bagi menghadiri Persidangan ke-26 Majlis Bahasa Brunei, Indonesia, Malaysia (MABBIM).

Persidangan selama empat hari itu bermula pada hari Isnin lepas di Cipanas, Jakarta, Indonesia.

Rombongan dari negara kita yang diketuai oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi telah bertolak ke republik tersebut pada 6 Jun yang lalu.

Rombongan yang mewakili negara kita ke persidangan itu adalah terdiri dari Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu dan Jawatankuasa Istilah Bahasa Melayu Negara Brunei Darussalam.

Negara Brunei Darussalam menjadi ahli MABBIM secara rasmi pada 4 November 1985 ketika persidangan ke-24. MABBIM telah ditubuhkan pada tahun 1972 yang mana negara ahli hanyalah Indonesia dan Malaysia.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi beserta dengan ahli jawatankuasa Bahasa Melayu sejurus sebelum bertolak ke Jakarta untuk menghadiri Sidang ke-26 Majlis Bahasa Brunei Darussalam — Indonesia — Malaysia (MABBIM). — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak :

MEMBERI NASIHAT YANG BERGUNA KEPADA MEREKA

Menuju Keredaan Allah

SALAH satu daripada kewajipan ibu bapa terhadap anak-anak ialah memberi nasihat yang berguna untuk bekalan mereka di dunia dan di akhirat. Pesanan-pesanan untuk melakukan perkara yang baik haruslah diberikan sejak dari anak-anak itu masih kecil lagi, khususnya sebelum mereka mencapai usia remaja kerana sememangnya dari faktor pendidikan sendiri, mendidik anak-anak yang masih muda jauh lebih berkesan daripada mendidik golongan tua yang sudah masak dengan pengaruh alam sekitar. Salah satu pengajaran yang utama yang harus disematkan ke dalam pemikiran anak-anak ialah pengajaran yang berhubung rapat dengan perkara mengesakan Allah Subhana-hu Wataala kerana mengesakan Allah adalah akar tunjang bagi keimanan seseorang itu. Hubungan perkara ini dalam Al-Quran ada diceritakan tentang kisah Luqman menasihati anak-anaknya seperti dalam surah

Luqman ayat 13 yang kira-kira bererti: "Dan (ingatlah) tatkala Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: 'Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau memper-sekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.' Dan ayat 17 yang kira-kira bererti: 'Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala' bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.'"

Dari maksud ayat-ayat tersebut, dapatlah diambil pengertian bahawa Luqman memberikan nasihat penting kepada anak-anaknya yang antaranya:

Pertama — Melarang anak-anaknya jangan menyekutukan Allah.

Kedua — Menyuruh mengerjakan sembahyang.

Ketiga — Menasihati anak-anaknya bersabar apabila ditimpa bala bencana.

Daripada nasihat atau pesanan Luqman kepada anak-anaknya itu dapatlah juga kita mengambil contoh bahawa peranan ibu bapa dalam usaha memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada anak-anak adalah suatu perkara yang amat penting. Anak-anak tidak boleh dibiarkan begitu saja tanpa diberikan teguran dan nasihat, baik nasihat itu mengenai perkara-perkara agama, amal ibadat, tata-tertib atau sopan-santun bermasyarakat dan lain-lain.

Dalam memberikan contoh kepada kehidupan anak-anak, ibu bapa perlulah menekankan bahawa sifat anak-anak yang tidak pedulikan kepada kewajipan beragama hendaklah dikikis dari fahaman mereka dan sebagai menggantikannya, para ibu bapa hendaklah menunjukkan segala sifat dan tingkah laku, percakapan atau perbuatan yang bercorak ketaatan kepada Allah. Tanggungjawab ibu bapa seterusnya ialah menasihati atau menyuruh anak-anak mendirikan sembahyang. Dalam perkara ini terdapat setengah-setengah ibu bapa kurang mengambil berat menyebabkan anak-anak terbiar dengan tiada ada tunjuk ajar terhadap melakukan ibadat sembahyang. Dan yang lebih malang lagi, ada setengah-setengah ibu bapa meringan-ringankan malah ada yang langsung sama sekali tidak melakukannya, jadi dalam hal ini bagaimana anak-anak akan mengerjakan sembahyang jika ibu bapa tidak pernah sembahyang. Ibu bapa haruslah ingat bahawa sembahyang itu adalah tiang agama dan anak kunci bagi segala kebajikan, malah sembahyang adalah juga satu benteng yang kuat yang menahan daripada angkara kejahatan dan kemungkaran.

Nasihat selanjutnya ialah menekankan sifat sabar, terutama ketika ditimpa mala petaka. Ibu bapa hendaklah menanamkan sifat tersebut ke dalam jiwa anak-anak dengan cara nasihat dan pesanan yang baik dan lemah lembut, menasihati supaya anak-anak jangan putus harapan jangan mudah kecewa sebaliknya kuat cita-cita mereka. Seterusnya anak-anak

haruslah diyakinkan bahawa segala bentuk bencana, kesusahan atau lain-lain masalah adalah merupakan takdir Allah, yang mana Allah bertujuan untuk menguji sejauh mana kesabaran dan kekuatan iman seseorang manusia, seperti timana yang diterangkan oleh Allah dalam surah Muhammad, ayat 31 yang kira-kira bererti: "Dan demi sesungguhnya! Kami tetap menguji kamu (wahai orang-orang yang mengaku beriman) sehingga ternyata pengetahuan Kami tentang adanya orang-orang yang berjuang dari kalangan kamu dna orang-orang yang sabar (dalam menjalankan perintah Kami); dan (sehingga) Kami dapat mengesahkan (benar atau tidaknya) berita-berita tentang keadaan kamu."

Demikianlah contoh pendidikan yang dikisahkan dalam Al-Quran oleh Luqman dalam menasihati anak-anaknya. Semoga dengan contoh-contoh tersebut kita para ibu bapa akan mengamalkan dalam membentuk dan mengasuh anak-anak, supaya anak-anak akan menjadi manusia yang bersopan-santun, malah mempunyai akhlak yang terpuji dalam menyembah Allah yang maha suci, tidak menyekutukan dengan sesuatu, mendirikan sembahyang serta terpelihara daripada segala yang dimurkai Allah dan menjadi manusia yang beriman dengan sebenarnya yang akan berbahagia di dunia dan di akhirat.

Majlis itu juga
Timbalan Menteri
tahanan, Yang
Pengiran Sanggama
Mejar Jeneral Peng
Ibnu bin Peng
Penghulu Peng
Apong, Timbalan
Hal Ehwal Ugama
Dimuliahkan P
Khatib Dato Pad
Setia Ustaz Haji
bin Haji Ibrahim
setiausaha Temp
diplomat asing ke



Soalan 1

Bolehkah Dato untuk menerangkan mengenai perhimpunan kesihatan sedunia yang telah diadakan di Geneva baru-baru ini dan apakah matlamatnya?

Pertubuhan Kesihatan Sedunia adalah satu pertubuhan antarabangsa yang mengandungi kira-kira 160 negara ahli dari 6 rantau di seluruh dunia ini dan orientasi pertubuhan ini adalah meliputi semua aspek kesihatan.

Negara-negara ahli berhimpun setahun sekali bagi selama dua minggu di Geneva yang mana adalah ibu pejabat kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Di perhimpunan ini negara-negara ahli adalah diwakili di peringkat yang tertinggi iaitu ahli Menteri-Menteri Kesihatan dan Pegawai-Pegawai Kanan.

Matlamat perhimpunan ini adalah untuk mengusahakan dasar-dasar Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang telah dipersetujui bersama, untuk meneliti, untuk memplementasikan strategi Kesihatan Bagi Semua dan untuk menggalakan dan menyelaraskan rancangan implementasi di negara-negara ahli.

Perhimpunan ini semasa mengadakan mesyuaratnya juga meneliti nilai Lembara Pengurus tentang kementerian rancangan tahun-tahun yang sudah yang mana telah ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi negara-negara ahli demi untuk mencapai matlamat Kesihatan Bagi Semua. Di mesyuarat ini juga ahli-ahli akan menyediakan strategi-strategi untuk usaha bersama bagi tahun-tahun akan datang dan juga mengambil kira semangat perpaduan dan keharmonian dasar.

Perhimpunan ini juga memberi satu forum antarabangsa yang penting bagi ahli-ahli membincangkan dasar-dasar kebangsaan bagi mengukuhkan sistem-sistem kesihatan yang berasaskan kepada Penjagaan Kesihatan Asasi dan pengalaman-pengalaman semua. Perundingan-perundingan di peringkat yang tertinggi seperti ini memberikan pandangan baru mengenai pengurusan sistem-sistem kesihatan dan seterusnya menggiatkan kerajaan untuk menilai dan membetulkan kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam dasar

kesihatan negara masing-masing.

Soalan 2

Apakah ketetapan yang telah dicapai dalam perhimpunan tersebut?

Fokus utama di persidangan pada tahun ini adalah mengenai dua isu penting dalam bidang kesihatan. Yang pertama adalah mengenai kemelesetan ekonomi dunia yang memberi kesan kepada peruntukan kewangan yang diperlukan untuk mewujudkan satu perkhidmatan kesihatan yang mencukupi dan boleh dinikmati oleh semua. Dengan keadaan dunia seperti ini, kerajaan-kerajaan adalah mengambil berat mengenai dasar-dasar ekonominya supaya semua sumber yang terdapat akan dapat mewujudkan satu perkhidmatan kesihatan dengan kos yang paling minima. Konsep Penjagaan Kesihatan Asasi yang melibatkan semua masyarakat sekali lagi di perhimpunan tahun ini, diberi keutamaan sebagai cara yang terbaik dari segi kos dalam mewujudkan Penjagaan Kesihatan Bagi Semua rakyat.

Pebincangan teknikal di perhimpunan tahun ini juga berkisar mengenai bantuan ekonomi bagi strategi-strategi 'Kesihatan Bagi Semua' seperti:

1. Pengurusan dan perancangan sumber
2. Resource Mobilization — mempergerakkan sumber-sumber.
3. Penggunaan yang paling berkesan sumber-sumber tersebut.
4. Memperkukuhkan kebolehan yang terdapat.

Topik kedua yang diperbincangkan dengan panjang lebar adalah mengenai penyakit AIDS yang sedang merebak ke seluruh dunia di mana di ketika ini sebanyak 105 negara telah melaporkan adanya penyakit AIDS. Penyakit AIDS akan menjadi pencabar kesihatan awam di tahun-tahun berikutnya dan kita di Negara Brunei Darussalam hendaklah mengambil berat tentang ancaman ini dan telah pun mengambil langkah-langkah yang tertentu.

Soalan 3

Bolehkah Dato menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai perlantikan dan peranan Dato selaku Naib Yang Dipertua perhimpunan kesihatan sedunia tahun ini?

Di setiap persidangan seorang Yang Dipertua dan lima Naib Yang Dipertua dilantik. Persidangan tahun ini adalah Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang ke-40.

Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua adalah dilantik demi untuk mewujudkan perwakilan yang maksima di seluruh dunia. Negara Brunei Darussalam telah mewakili rantau Western Pacific dan saya merasa kagum di atas penghormatan yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam terutama sekali negara kita adalah tidak begitu lama menjadi ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Lantikan Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua adalah secara persetujuan ramai.

Soalan 4

Apakah rancangan-rancangan utama Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau ringkasnya WHO?

Seperti yang telah diuraikan lebih awal, Pertubuhan Kesihatan Sedunia ada mempunyai rancangan-rancangan tindakan yang tertentu bagi setiap tahun. Peranannya adalah untuk menolong, menggalakan dan seterusnya memberikan sumber dan teknologi yang sesuai kepada negara-negara demi untuk membolehkan mereka mencapai rancangan yang terdapat sebilangan negara menghendaki bantuan kewangan. Ada negara yang lain pula yang menghendaki tenaga manusia, bantuan teknikal dan ada pula menghendaki latihan bagi kakitangan.



PERWAKILAN dari Negara Brunei Darussalam di perhimpunan tersebut. Kelihatan dalam gambar ialah Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar, Menteri Kesihatan dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pg. Md. Yassin serta pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut. — Gambar ihsan Kementerian Kesihatan.

Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-40

DUA ISU PENTING MENJADI FOKAS UTAMA

MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar (kiri sekali) yang dilantik selaku Naib Yang Dipertua di Perhimpunan Kesihatan Sedunia kali ke-40 di Geneva.



PERLANTIKAN Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar, Menteri Kesihatan selaku Naib Yang Dipertua perhimpunan itu diberi ucapan tahniah oleh Presiden perhimpunan yang baru, Dr. J.V. Londen. — Gambar ihsan Kementerian Kesihatan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan ini. Bagi tempoh 1988-1989 bilangan kerja adalah berasaskan kepada memperkukuhkan lagi:

1. Sistem organisasi kesihatan yang berasaskan kepada Penjagaan Kesihatan Asasi.
2. Bantuan sistem maklumat kesihatan dan proses pengurusan.
3. Penyelidikan sistem

kesihatan dan penyediaan akta.

4. Perancangan kakitangan kesihatan.

5. Penggalakan dan Penjagaan Kesihatan bagi kumpulan-kumpulan tertentu, sebagai misal para ibu, kanak-kanak, orang-orang tua, pekerja dan lain-lain.

6. Menggalakan kesihatan alam sekitar.

7. Diagnostic, therapeutic dan rehabilitative technology.

Soalan 5

Bagaimanakah aturcara lawatan Dato dan perwakilan dari Negara Brunei Darussalam selain dari menghadiri perundingan tersebut di Geneva?

Di atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam saya juga berkesempatan membuat lawatan rasmi ke Federal Republic of Germany, France dan England serta Scotland. Dalam rangka lawatan tersebut saya telah berkesempatan melawat beberapa institusi-institusi kesihatan seperti rumah sakit, universiti dan sebagainya. Saya juga berkesempatan melihat perkembangan alat-alat bio-medical yang paling baru terdapat, seperti alat lithotripsy iaitu alat yang boleh memecahkan batu-batu yang terdapat dalam buah pinggang tanpa pembedahan, alat magnetik Resonance Imaging, dan lain-lain. Saya juga berkesempatan mengadakan perundingan dengan pihak-pihak tertentu tentang kemungkinan melatih kakitangan dengan pihak-pihak tertentu dan dari itu saya juga diberi taklimat mengenai pengawalan dan pengurusan penyakit AIDS di negara-negara yang berkecuali.

Keadaan damai kini salah satu derma bakti ABDB

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh

Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana di atas limpah dan kurnianya jua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dapat menyambut hari ulang tahunnya yang ke-26 ini dalam bulan Syawal tahun Hijrah 1407 di mana kita umat Islam keseluruhannya dengan penuh kesyukuran kewajipan kita berpuasa selama satu bulan. Mengambil sukut yang baik ini saya dengan ikhlas jua mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan seterusnya berdo'a

kepada Allah Subhanahu Wataala semoga Awang-Awang dan Dayang-Dayang sekalian akan sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera serta diberikan petunjuk dan hidayat dalam menghadapi tugas Awang-Awang dan Dayang-Dayang dengan penuh keyakinan dan tanggungjawab sebagai perwira negara demi mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Dalam tempoh 26 tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ditubuhkan dengan bermula dari angkatan yang kecil kita semua telah dapat menyaksikan perkembangannya yang pesat bukan sahaja dari segi bilangan anggotanya

bahkan keupayaannya melengkapkan dirinya sebagai satu pasukan yang kuat dan disegani dengan senjata-senjata yang moden dan sofistikated. Keupayaan tersebut adalah menampakkan satu kenyataan bahawa setiap anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan latihan ketenteraan yang gigih dan bersedia pada menerima perubahan-perubahan yang selaras dengan keperluan pertahanan negara yang sentiasa mencabar maka setiap rakyat dan penduduk negara ini mempunyai keyakinan yang kuat bahawa keadaan aman dan damai yang dinikmati selama ini adalah merupakan satu derma bakti yang dimainkan oleh Angkatan Bersenjata

Diraja Brunei. Adalah terletak di atas bahu setiap anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk sentiasa berwaspada dengan keadaan di sekelilingnya dan dengan demikian keamanan dan ketenteraman serta keadaan hidup yang harmoni yang ada sekarang ini akan terus menjadi ciri penting dalam kehidupan kita di negara yang tercinta ini.

Awang-Awang dan Dayang-Dayang sekalian, kita hendaklah menyedari bahawa keperluan setiap anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sentiasa menerima dan menyesuaikan diri dalam meningkatkan serta memainkan peranannya sesuai dengan perkembangan negara hendaklah sentiasa

SABDA perutusan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (Res) Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Timbalan Menteri Pertahanan, Negara Brunei Darussalam bersempena dengan hari ulang tahun ke-26 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada 31 Mei, 1987.



diambil perhatian berat kerana dalam analisa yang terakhir Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang dilagati bukanlah terletak kepada banyak anggotanya tetapi lebih tertumpu kepada angkatan tentera yang mempunyai latihan ketenteraan yang cekap serta dilengkapi dengan alat senjata yang moden dan sesuai dengan keadaan.

Akhir kata saya bersepu kepada semua anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bersempena hari ulang tahun ke-26 ini supaya akan menjaga disiplin yang demi mempastikan sebagai satu pasukan benar-benar dapat Wabillahi Taufiq Warahmatullahi Wabarkatuh.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awg. Abdul Aziz menyampaikan derma berupa wang kepada salah seorang kanak-kanak yatim daerah tersebut.

Anak-anak yatim Daerah Tutong dirai

TUTONG. — Kira-kira 200 orang anak-anak yatim di Daerah Tutong telah menerima derma hari raya yang disumbangkan oleh Lembaga Khas daerah tersebut di satu majlis

meraiakan mereka yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini pada 7 Jun lepas.

Walau bagaimanapun hampir separuh daripada

mereka tidak dapat hadir di majlis tersebut, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, kerana keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.

Tetamu kehormat di majlis

tersebut, Awang Abdul bin Mohammad, Pegawai Daerah Tutong, menyampaikan derma tersebut kepada anak-anak yatim yang dirai.

Terdahulu sebelum majlis telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran yang disampaikan oleh Dyg. Norrahman bin Ali Zainal. Dikuti kemudian dengan ucapan selamat yang disampaikan oleh Ibrahim bin Haji Rahman.

Di akhir majlis ucapan selamat telah disampaikan oleh Imam Masjid Pengerusi Tuan Haji Abd. Wahab bin Haji Othman.

Di majlis itu juga anak yatim telah diberi dengan berbagai-bagai hidangan hari raya.



SEBAHAGIAN dari jemputan yang hadir di majlis tersebut.

Peraduan dan Pameran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan pertandingan dan pameran fotografi sempena perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-41 tahun.

Pertandingan tersebut dibahagikan kepada tiga kategori, pertama, terbuka kepada semua ketua-ketua jabatan kerajaan dan timbalannya; kedua, yang dijemput oleh pihak penganjur (yang berpengalaman) dan ianya juga dibukakan kepada penyertaan orang ramai dan penuntut-penuntut (yang tidak berpengalaman).

Untuk keterangan lanjut dan borang penyertaan bolehlah didapati dari Awang Mohd. Yusof Yassin dan Awang Haji Shamsuddin bin Idris, di Bahagian Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri di ibu negeri.

Penyertaan akan ditutup pada 6 Julai 1987.

Fotografi



PENDUDUK kampung yang hadir di majlis ramah mesra anjuran PERDA.

Gambar-gambar oleh: Pg. Bahar PHU.

Majlis ramah mesra

PENANJONG. — Majlis Aidilfitri masih dirai meskipun ia kini memasuki minggu kedua. Sambutan majlis ramah mesra diadakan di sana-sini.

Belia dan belawati kampung Penanjong melalui satu unit mereka, PERDA, mengadakan majlis ramah mesra bagi penduduk di kampung itu.

Menurut pengerusi berkenaan, Awang Shamsudin bin Idris, majlis diadakan bagi mengukuhkan tali silaturahmi di antara mereka di samping memberi peluang kepada belia di kampung melakukan kegiatan-kegiatan yang berfaedah.

Majlis itu disertai dengan persembahan, tawaran persembangan dan karnival di samping penyampaian deklamasi sajak.



KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Azim serta pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan berbual mesra di majlis tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam menyampaikan alat-alat permainan kepada kanak-kanak cacat (atas). Sementara gambar bawah kelihatan Duli Yang Teramat Mulia menerima junjung ziarah salah seorang kanak-kanak cacat di Istana Nurul Izzah, Jerudong.

200 KANAK CACAT DIRAI DI ISTANA NURUL IZZAH



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiyah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah turut berangkat di majlis tersebut.

Gambar oleh Haji
Sharbini Taha

JERUDONG. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam petang kelmarin meraikan kira-kira 200 orang kanak-kanak cacat dari seluruh negara di Istana Nurul Izzah sempena Hari Raya Aidilfitri.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiyah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiyah



dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bulkiah.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia menyampaikan hadiah-hadiah hari raya kepada kanak-kanak cacat dan menerima junjung ziarah daripada

hadirin termasuk ibu bapa kanak-kanak cacat dan pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian dan muzik oleh ahli-ahli Bengkel Kanak-Kanak RTB.



AHLI-AHLI Bengkel Kanak-Kanak RTB menyerikan majlis dengan tarian yang menarik perhatian kanak-kanak cacat (atas).

KANAK-KANAK cacat, ibu bapa dan penjaga mereka ketika menikmati jamuan di Istana Nurul Izzah (kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra dengan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain semasa Baginda berangkat berhari raya ke kediaman beliau.

LEBIH 61 RI UCAP SELAMAT HARI RAYA

Gambar-gambar oleh : Pg. Bahar PHO,

Pg. Abu Bakar PHO

dan Pg. Haji Yaakub PMHH.



SALAH seorang anggota keluarga Menteri Pembangunan, Yang Berhormat DSLJ Pengiran Dr. Ismail menjunjung ziarah ke hadapan Baginda yang berangkat ke kediaman Menteri berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sejumlah 61,485 orang rakyat dan penduduk negara ini telah dicatatkan mengunjung Istana Nurul Iman di ibu negara dan Istana Nurul Izzah di Jerudong bagi menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Jumlah tersebut meningkat 10 ribu orang daripada tahun lepas di mana sejumlah 51 ribu orang pengunjung telah dicatatkan tahun lalu mengunjung kedua-dua

istana tersebut.

Di hari pertama sejumlah 16,449 orang tetamu yang menyebarkan ucapan selamat hari raya dan di hari keduanya pula ialah 18,780 orang manakala di hari ketiga sejumlah 18,900 orang

Juga berkenan berangkat menerima junjung ziarah dan ucapan selamat hari raya di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Wazir Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisara Pengiran Muda Haji Sali Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran



KERAMAIAAN dan berasak-asak menunggu giliran bagi menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya di Istana Nurul Iman, seperti kelihatan dalam gambar ini tidak dapat dielakkan, namun kesabaran kaum wanita ini untuk dapat berjumpa dengan Baginda.

JUNJUNG ZIARAH



dan adinda ipar Baginda berbual mesra ketika berangkat berhari raya ke kediaman Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Haji Mohd. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Isteri Pengiran Anak Saleha juga telah berkenan menerima sembah ucapan hari raya dari kalangan kaum wanita.

Berangkat sama termasuklah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkihah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-wakillah Hayatul Bolkihah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkihah dan Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolqiah.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima junjung ziarah dan ucapan Selamat Hari Raya daripada lebih 30 ribu orang di Istana Nurul Izah.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Azemah Ni'matul Bolkihah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fad-zillah Lubabul Bolkihah.



TIDAK kira kecil mahupun besar semuanya mengambil kesempatan untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



KELIHATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat berhari raya ke kediaman Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman.



SEBAHAGIAN daripada orang ramai yang mengunjungi Istana Nurul Iman menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat-kerabat Diraja.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mai Pengiran Muda Jefri Bolkihah, Menteri Kewangan berangkat sama di Istana Nurul Iman bagi menerima junjung ziarah daripada orang ramai.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

TAMBAHAN MASA SIARAN BAHAGIAN INGERIS

PERKHIDMATAN Radio bahagian Inggeris yang sama-sama berganding bahu dengan bahagian Melayu dan bahagian Tionghwa di dalam memberikan apa-apa maklumat, pemeritah, adalah merupakan tiga rangkaian perkhidmatan

siaran media elektronik yang pertama di negara ini. Selama 30 tahun juga perkhidmatan Radio Brunei dari tiga rangkaian bahasa tersebut memberikan berbagai-bagai perkhidmatannya kepada masyarakat pelbagai keturunan dari negara ini.

Walaupun perkhidmatan radio bahagian Inggeris memperuntukkan masa siarannya yang agak terhad, jika dibandingkan dengan siaran bahagian Melayu. Namun, minat dan kehendak para pendengar yang semakin bertambah sekarang ini menjadikan siaran bahasa Inggeris menjadi 'favourite' kepada pendengar-pendengar, yang terdiri daripada golongan muda-mudi, pelajar-pelajar, suri-suri rumah tangga dan lain-lainnya. Hal ini adalah disebabkan oleh siaran bahagian Inggeris seringkali menghiburkan para pendengarnya dengan lagu-lagu 'Top-Heats', yang menjadi kesukaan ramai dewasa ini.

Dengan kehendak minat para pendengar yang semakin bertambah dan juga perkembangan Radio Televisyen Brunei semakin meningkat, maka mulai 8 Jun, 1987, Perkhidmatan Radio Bahagian Inggeris telah dilanjutkan masa siarannya selama dua jam lagi, iaitu bermula dari jam 2.00 petang sehingga 4.00 petang, pada setiap hari Isnin membawa ke hari Khamis. Dengan yang demikian mulai dari tarikh tersebut, perkhidmatan Bahagian Inggeris akan dapat diikuti dari jam 6.30 pagi sehingga 8.30 pagi, dari jam 11.00 pagi sehingga 4.00 petang dan sekali lagi dari jam 8.00 malam sehingga 10.00 malam pada setiap hari.


Matlamat utama siaran tambahan ini sebenarnya ialah untuk memenuhi

masa yang kosong selama ini dengan siaran lagu-lagu hiburan sebelah petang, menerusi kemerduan lagu-lagu persembahan FM Stereo. Dengan adanya siaran tambahan ini para pendengar yang terdiri daripada golongan muda-mudi, penuntut-penuntut yang lain-lainnya, yang berehat-rehat di sebelah petang akan dapat pula mendengar lagu-lagu kesukaan mereka.

Menerusi siaran tambahan ini juga peranan media elektronik di zaman moden ini akan lebih bermakna di dalam memberikan perkhidmatan hiburan kepada orang ramai, di samping perkhidmatan perkhidmatan yang lain. Ini bermakna juga yang perkhidmatan Radio Brunei semakin dipertingkatkan kemampuannya dari semasa ke semasa, iaitu mengikut perancangan jangka panjang Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Siaran tambahan perkhidmatan radio bahagian Inggeris ini juga dipancarkan secara menyeluruh ke semua daerah di negara ini. Umpamanya, FM Stereo 95.9 MHZ adalah untuk pendengar-pendengar di kawasan Brunei/Muar dan juga Temburong. Manakala, FM Stereo 96.9 MHZ pula adalah diperuntukkan kepada para pendengar kawasan Belait, Seria dan Tutong.

Semoga siaran tambahan bahagian Inggeris ini dapat memberikan kepuasan citarasa para pendengar di mana-mana saja mereka berada.



Siri Rancangan Tv

DUA buah rancangan TV yang menjadi kesukaan ramai iaitu 'The Last Precinct' dan 'Our House'. 'The Last Precinct', sebuah siri komedi akan dapat menyaksikan pada tiap-tiap hari Rabu (gambar atas). Sementara siri 'Our House' akan dapat menyaksikan pada tiap-tiap hari Ahad (gambar bawah).

Sandiwaras Radio:

"ANTARA KASIH DAN SAYANG"

ANTARA Kasih Dan Sayang adalah hasil dari ilhamrasya Hashim Muhammad.

Penulis membentangkan tentang soal penagihan dadah serta punca yang menyebabkan ianya berlaku. Watak Sofian adalah dari keluarga yang berada dan tidak mempunyai apa-apa kekurangan dari segi kebendaan.

Walaupun begitu Sofian ketandusan kasih sayang dari kedua orang tuanya yang masing-masing sibuk dengan urusan mereka sendiri. Sofian, walaupun sudah bertunang dengan Rosni yang juga anak seorang hartawan, bagaimanapun lebih suka menghabiskan masanya bersama Karim teman karibnya.

Sejak bergaul rapat dengan Karim, Sofian begitu terpengaruh dengan kebiasaan yang diamalkan oleh Karim, seorang penagih dadah. Karimlah yang selalu memperkenalkan sebarang jenis dadah kepada Sofian. Kerana mewah dengan kewangan, Sofian tidak mempunyai masalah langsung untuk memilikinya.

Kegiatan Sofian itu lama kelamaan sampai juga ke pengetahuan ayahnya. Sofian menuduh Rosni yang bertanggungjawab terhadap semua itu. Bagaimanakah cara mereka untuk menyedarkan Sofian? Tergamakakah mereka melepaskan Sofian ditangkap kerana telah menjadi penagih dadah? Jangan lupa, ikutlah siarannya nanti pada 14 Jun, 1987 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.



SUDUT REMAJA

SUDUT ini kembali lagi menemui awda semua. Keluaran kali ini kita akan sama-sama menikmati lagu-lagu persembahan dari Ak. Hamzah Pg. Abd. Rahman. Ak Hamzah akan bersama awda pada hari Isnin 15 Jun, 1987 jam 4.00 petang dan akan diulang siarannya pada hari Rabu 17 Jun, 1987 jam 8.30 malam.

Mari Memasak:

Nagasari Istimewa

**BAHAN-BAHAN-
NYA :**

- 1 kg. labu kuning, di-kupas & diparut
- 1 biji kelapa yang agak muda, diparut
- 250 gms. tepung beras
- 150 gms. gula putih
- ½ sudu teh garam
- daun pisang untuk pembungkus.

**CARA-CARA
MEMBUATNYA :**

1. Campur jadi satu, labu kuning, kelapa muda,

tepung beras, gula putih dan garam sampai rata.

2. Ambil selembar daun pisang, taruh 2 — 3 sudu makan adonan di atasnya, kemudian lipat daun atau sematkan dengan lidi.

3. Kukus dalam kukusan selama 30 — 40 minit sampai masak, lalu diangkat.

4. Sesudah sejuk baru dihidangkan.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Serasa	10.6.1987	Rabu	9.45-10.15
Sekolah Rendah Mentiri	10.6.1987	Rabu	10.30-11.00
Sekolah Rendah Sultan Abd. Bubin Sg. Besar	10.6.1987	Rabu	11.15-11.45
Sekolah Rendah Pulaie	10.6.1987	Rabu	9.30-10.30
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	11.6.1987	Khamis	10.00-12.00
Sekolah Rendah Haji Md. Yusof Katimahar	13.6.1987	Sabtu	8.30-9.30
Penjara Jerudong	13.6.1987	Sabtu	9.45-10.45
Sekolah Rendah Mulaut	13.6.1987	Sabtu	11.00-12.00
Sekolah Rendah Birau	13.6.1987	Sabtu	1.30-2.30
Sekolah Rendah Kiudang	13.6.1987	Sabtu	2.45-3.45
Sekolah Rendah Laminin	13.6.1987	Sabtu	4.00-5.00
Sekolah Rendah Haji Md. Salleh Sungai Hanching	15.6.1987	Isnin	8.45-9.45
Sekolah Rendah Kiarong	15.6.1987	Isnin	8.30-9.30
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	16.6.1987	Selasa	9.15-10.15
Sekolah Rendah Anggerik Desa Berakas	16.6.1987	Selasa	10.30-11.30
Sekolah Agama Haji Md. Jaafar Kg. Kiulap	16.6.1987	Selasa	2.45-3.15
Sekolah Agama Kampong Mata-Mata Gadong	16.6.1987	Selasa	3.30-4.30
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	16.6.1987	Selasa	4.30-5.00

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.



MINGGU INI

MULAI 15 Jun, 1987 siaran Warta Berita akan diubah waktu siarannya dari pukul 8.15 malam kepada 9.00 malam. Beberapa buah rancangan juga akan diubah waktu dan masa siarannya.

HARI RABU 10 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FLINSTONE KIDS
- 5.00 CAMERA ON THE MOVE: "Pull Speed Ahead For Borneo" (Episod terakhir)
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Diamonds Are Ming's Best Friend"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DEFENDERS OF THE EARTH — sambungan
- 5.55 MR BELVEDERE
- 6.20 RIANG RIA ADILFITRI — ulangan
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.47 RIANG RIA ADILFITRI — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.17 THE LAST PRECINCT: "A Ghost Of A Chance"
Night Train telah mengadakan satu jamuan makan malam di sebuah rumah lama lagi menyeramkan diwarisi dari seorang ahli silap mata. Di sana beliau telah menyaksikan bagaimana pegawai-pegawainya hilang seorang demi seorang.
- 7.48 AZAN ISYAK
- 7.53 THE LAST PRECINCT — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 SUDUT PELITA
- 8.45 BIMBINGAN ISLAM
- 8.55 LIPUTAN NASIONAL
- 9.25 REKASENI (ulangan)
- 9.50 THAT'S MY BOY: "Unfair Dismissal"
- 10.15 DELIBERATE STRANGERS Bhg. II
- 12.10 DOA PENUTUP SIARAN
- 12.20 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 11 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 BERENSTEIN BEARS
- 5.00 ONCE UPON A TIME — ulangan "The Farmer And The Buffaloes"
- 5.15 1, 2, 3 GO Ep. 1 — Siri baru
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 GHOSTBUSTERS: "Dynamate Dinosaur"
- 6.15 KU PETIK BINTANG-BINTANG (ulangan)
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.47 KU PETIK BINTANG-BINTANG — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.17 PAPER CHASE
- 7.48 AZAN ISYAK
- 7.53 PAPER CHASE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 HIDAYAT
- 9.20 DUNIA MINGGU INI
- 9.50 MAGNUM P I SR 7 — Siri baru
- 10.40 TOO CLOSE FOR COMFORTS: "Henry Enters The 80's"
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR
- 1.35 DOA PENUTUP SIARAN
- 1.45 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 12 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.25 HIDAYAT (ulangan)
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.49 HIDAYAT — sambungan
- 1.00 MUTIARA/NADASARI

PETANG

- 1.30 MR T: "The Mystery Of Open Craters"
- 1.55 HE MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
- 2.20 KONSERT TABUNG-TABUNG KEBAJIKAN Bhg 2 — ulangan
- 3.20 CODENAME ICARUS Ep 2
- 3.47 AZAN ASAR
- 3.52 AL-KISAH — Ulangan ep. 10 "Kurang Periksa"
- 4.10 LIFE WITH LUCY: "Lucy Is A Sex Symbol"
- 4.35 ODYSSEY FEATURES: "The Return" Bhg I
- 5.25 Q.E.D.: "In At The Deep End"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 YOU AGAIN SR I — Episod terakhir "Marry Me A Little"
- 6.10 MUPPET BABIES
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.47 MUPPET BABIES — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.17 HOT PURSUIT: "Gillian"
Drama yang mengisahkan bagaimana Gillian, bakal pengantin sedang mencari bakal suaminya terlibat dalam beberapa kejadian yang mencemaskan. Beberapa percubaan telah dibuat untuk menggagalkan perkahwinannya.
- 7.48 AZAN ISYAK
- 7.53 HOT PURSUIT — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 DOKUMENTARI: THE DAY THE UNIVERSE CHANGED: "Infinitely Reasonable"
- 10.10 MIAMI VICE: "Songs And Lovers"
- 11.00 KNOTS LANDING: "Irrevocably Yours"
- 11.50 DOA PENUTUP SIARAN
- 1.00 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 13 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 360 DEGREES: "Denmark"
- 5.00 VALERIE: "Oedipus Wreck" (Episod terakhir)
- 5.30 SELINGAN
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 ARTIS UNDANGAN — JIHAN AMIR (ulangan)
- 6.20 THUNDERCATS
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.48 THUNDERCATS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.17 THE WIZARD: "It Takes A Chimp"
Siri The Wizard kali ini mengisahkan wang syiling berharga yang

mengandungi maklumat rahsia yang menyebabkan Tillie diculik dan syiling tersebut dikehendaki sebagai tebusan.

- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.54 THE WIZARD — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 PERADUAN MENCIPTA LAGU Semi-Final 1
- 10.10 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Duel Naga Wulung"
- 11.40 KENANGAN AIDILFITRI — (ulangan)
- 12.30 DOA PENUTUP SIARAN
- 12.40 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 14 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.18 TUBE COMPILATION: "The Strangers"
- 12.23 AZAN ZUHUR
- 12.28 TUBE COMPILATION — sambungan

PETANG

- 1.05 REAL PEOPLE
- 1.55 TAYANGAN GAMBAR
- 3.25 SMURFS
- 3.48 AZAN ASAR
- 3.53 SILVERHAWK: "Save The Sun"
- 5.30 DRAMA: "Keluarga Baru" — (ulangan)
- 5.10 SPORTS: "London Marathon"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 SPORTS — sambungan
- 6.05 AGRICULTURE: "Health Care"
- 6.20 GROWING PAINS: "Career Decision"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.48 GROWING PAINS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.17 OUR HOUSE: "Choices"
Kris dijemput ke satu konsert di San Francisco dan bila Jessie mengetahui Kris terpaksa bermalam dengan dua pasangan lain yang aktif dalam seks. Ia menghalangnya dan ini menimbulkan pertengkaran hingga Gus menyelesaikannya.
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.54 OUR HOUSE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 SUDUT ASIA
- 9.20 MARI MEMASAK: "Shapsuka"
- 9.45 HIBURAN TEMPATAN: "Dendang Lebaran"
- 10.35 HEAD OF THE CLASS: "The Outsider"
Charlie terpaksa memilih antara seorang yang gadis sangat menarik, dengan Janice seorang budak yang pintar yang begitu ingin menyesuaikan dirinya dengan rakan-rakan sekelasnya yang lebih tua darinya.
- 11.00 SPEARFIELD DAUGHTER
- 11.50 THE EDGE OF DARKNESS
- 12.20 DOA PENUTUP SIARAN
- 12.30 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 15 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN.
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 WILDFIRE: "Where Dreams Come From"
- 4.55 NATURAL WORLD: "Sky Hunters"

- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 NATURAL WORLD — sambungan
- 6.15 EDISON TWINS
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.48 EDISON TWINS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.17 RANCANGAN KOMEDI
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.54 STRINGRAY: "One Way Tiket"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 BIMBINGAN ISLAM
- 10.05 SUPERSTARS OF WRESTLING
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR
- 12.35 DOA PENUTUP SIARAN
- 12.45 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 16 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 STANLEY BERGSHAW
- 4.55 THE KID FROM 47A: "The Deadline"
Binny yang kecewa kerana tak dilantik menjadi penyunting majalah sekolah, Third Form, bernasib baik bila mendapat satu cedukan yang tak diduga.
- 5.20 PUNKY BREWSTER: "Return To Chaundoon"
- 6.15 CHARLES IN CHARGE "Under Graduate"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.48 CHARLES IN CHARGE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.17 MARI MEMASAK: "Nagasari Istimewa"
(Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.54 STARMAN: "The Grifter"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 RENCANA TEMPATAN
- 9.55 BIMBINGAN ISLAM
- 10.05 NORTH AND SOUTH
- 11.05 EASY STREET
- 11.35 DOA PENUTUP SIARAN
- 11.45 SIARAN TAMAT.



PELAKON utama siri Hot Pursuit, Eric Pierpoint dan Kerrie Keane akan dapat awdaaksikan setiap hari Jumaat kira-kira jam 7.20 malam.



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ceburilah Kerjaya Tentera Sebagai Pemimpin

NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK DI TANGAN AWDA



Sebagai Pegawai Bertauliah jangka tetap dan pendek di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di dalam jurusan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara bagi Lelaki dan Wanita.

Syarat-syaratnya :

BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI LELAKI

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Awang-awang mestilah lulus 4 (empat) mata pelajaran peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Mata Pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- Berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun pada 1 Julai 1987 dan mestilah masih bujang.
- Berat badan tidak kurang 47.25 kg atau 105 lb tinggi tidak kurang dari 1.54m atau 5 kaki 1 inci dan berbadan sihat.

Awang-awang dan Dayang-dayang mestilah terdiri dari salah satu puak seperti berikut :

- | | |
|------------|-----------|
| a. Brunei | e. Dusun |
| b. Belait | f. Murut |
| c. Tutong | g. Bisaya |
| d. Kedayan | |

Tarikh tutup permohonan pada 1 Julai, 1987.

Syarat-syaratnya :

BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI WANITA

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Dayang-dayang mestilah lulus 4 (empat) mata pelajaran peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Mata Pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- Berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun pada 1 Julai 1987 dan mestilah masih bujang.
- Berat badan tidak kurang 44.10 kg atau 98 lb, tinggi tidak kurang dari 1.45m dan berbadan sihat.

Borang-borang permohonan dan penerangan lanjut boleh didapati daripada :

Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Kementerian Pertahanan
Bolkiah Garison
Negara Brunei Darussalam

Borang-borang permohonan Awang-awang dan Dayang-dayang mestilah dihantar tidak lewat pada hari Rabu 1 Julai 1987.

BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) JURUTAYANG/PEMANDU :

(Bilangan Rod : 009 86-243)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Penerangan, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) Satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta telah dan sedang berkhidmat dengan kerajaan tidak kurang dari 3 tahun dalam bidang yang berkaitan.
- b) Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu.
- c) Berpengalaman dan kebolehan dalam kerja-kerja menjalankan mesin-mesin wayang gambar.

2) PEMBANTU MAKMAL KANAN :

(Bilangan Kod : 111 05-453)

(Di Jabatan Unit Anti Dadah, Kementerian Pelajaran)

Tanggagaji : M. 4 EB. 5 — \$930-\$1490 sebulan.

Kelayakan :

- i) Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran termasuk satu mata pelajaran Sains Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.
- ii) Satu mata pelajaran Sains Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta lima tahun pengalaman dalam kerja-kerja makmal.
- b) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang makmal narkotik.

ATAU

- i) Satu mata pelajaran Sains Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta lima tahun pengalaman dalam kerja-kerja makmal.
- ii) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang makmal narkotik.

3) PEMBANTU PERPUSTAKAAN :

(Bilangan Kod : 111 19-121)

(Di Maktab Jururawat, Kementerian Pelajaran)

Tanggagaji : D. 1 EB. 2-3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- i) Dua mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu Peringkat Biasa dalam Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- ii) Mempunyai pengalaman kerjaya perpustakaan tidak kurang dari tiga tahun.
- iii) Pernah mengikuti kursus dalam bidang perpustakaan merupakan satu kelebihan.
- b) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.
- c) Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Membantu kerja-kerja Pegawai Perpustakaan.
- b) Bertugas di kaunter.
- c) Meletting dan memproses buku.
- d) Aktiviti perpustakaan.
- e) Membuat kerja pembaikan buku yang mudah.
- f) Menyediakan buku-buku yang telah digunakan untuk dijilid.
- g) Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perpustakaan.

4) MERINYU PERCUBAAN :

(Bilangan Rod : 062 07-948)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji : D 3 EB 4 — \$900-\$1465 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- a) Berumur di antara 18 hingga 30 tahun.
- b) Sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Melayu dan satu mata pelajaran sains atau kelulusan yang sebanding yang boleh diterima untuk latihan lanjutan.

Lain-lain Syarat :

- a) Calon-calon yang berjaya akan dihantar ke seberang laut untuk mendapatkan Diploma Merinyu Kesihatan daripada Royal Society of Health dengan menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan selama 18 bulan.
- b) Setelah menamatkan latihan bagi mendapatkan Diploma Royal Society of Health, mereka akan dilantik sebagai Merinyu Kesihatan dalam tangga gaji berikut :—

MERINYU KESIHATAN :

Dalam tanggagaji : C. 1 EB. 2 — \$1280-\$1930 sebulan.

5) PENGENDALI KOMPUTER :

A) (Di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan) (Bilangan Kod : 057 34-221)

B) (Di Kementerian Pembangunan) (Bilangan Kod : 110 34-221)

Tanggagaji Bagi Jawatan 5(A)&(B) : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan

Kelayakan :

- i) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa (termasuk mata pelajaran Sains atau Matematik) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman sebagai Pengendali Penyediaan Data atau mengendali Komputer tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

- i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau sebanding dengannya.
- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pengendali Penyediaan Data atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei termasuk lulus mata pelajaran Matematik atau Sains atau yang sebanding dengannya.
- ii) Pernah menjalani kursus Sijil Komputer bagi tempoh selama satu tahun.
- iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian tidak kurang dari lima tahun.

6) PELUKIS TINGKATAN II :

(Bilangan Kod : 056 16-131)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji : D. 4 EB. 5-6 — \$1225-\$1785 sebulan.

Kelayakan :

- a) Dua mata pelajaran termasuk Lukisan di Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran yang sebanding dengannya.
- ii) Mempunyai pengalaman sebagai Pelukis tidak kurang dari lima tahun serta dapat menunjukkan hasil kerja senilukis yang baik dan memuaskan yang pernah dibuat.
- c) Berpengalaman dalam kerja-kerja senigrafik, dan ilustrasi buku dan majalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

- a) Dua mata pelajaran termasuk Lukisan di Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran yang sebanding dengannya.
- ii) Mempunyai pengalaman sebagai Pelukis tidak kurang dari lima tahun serta dapat menunjukkan hasil kerja senilukis yang baik dan memuaskan yang pernah dibuat.
- c) Berpengalaman dalam kerja-kerja senigrafik, dan ilustrasi buku dan majalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Menyediakan lukisan untuk bahan penerbitan seperti kulit luar, ilustrasi, susun atur isi dalam dan lain-lain.
- b) Melukis ilustrasi yang kreatif dan tidak kreatif untuk buku dan lain-lain.
- c) Membuat Lukisan Penyudah (F/A) untuk kulit luar dan lain-lain.
- d) Menempel (paste-up) untuk muka surat bagi kerja-kerja yang kreatif dan membuat rekaletak (lay-out).
- e) Memproses dan membuat graphic production dan memelihara peralatan.
- f) Menerima serta menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa oleh Ketua Bahagian Senilukis/Ketua Cawangan.

7) PEGAWAI PERPUSTAKAAN :

A) (Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri)

(Bilangan Kod : 105 19-120)

B) (Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (056 19-120)

Tanggagaji bagi Jawatan 7(A) & (B) : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Tiga tahun pengalaman dalam kerja-kerja perpustakaan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri :

Bertanggungjawab bagi mengendalikan hal-ehwal perpustakaan umum Kementerian ini, serta bagi memberikan kerjasama dalam pengendalian perpustakaan pejabat-pejabat perwakilan negara ini di luar negeri.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka :

- a) Bertanggungjawab kepada Ketua Cawangan.
- b) Menyediakan katalog, pengkelan dan indeks bahan perpustakaan.
- c) Bertugas di meja Penasihat Pembaca.
- d) Bertanggungjawab memberi perkhidmatan yang baik dan cekap kepada orang ramai.
- e) Menjalankan kerja-kerja lain yang diatitkan oleh Ketua Cawangan atau Ketua Bahagian.

8) TUKANG KAYU TINGKAT KHAS :

(Bilangan Rod : 025 62-740)

(Di Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji : D. 2 EB. 3 — \$650-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- i) City and Guilds dalam pertukangan kayu atau yang sebanding dengannya.
- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ding dengannya serta sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Tukang Kayu tidak kurang dari tiga tahun.

iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari lima tahun dalam bidang Pertukangan Kayu.

b) Cekap dalam menggunakan perkakas tukang kayu yang biasa termasuk alat-alat yang menggunakan tenaga elektrik.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 6 Julai, 1987.

(E/223/75/A)

Bilangan Pendaftaran : 54/1987.

PEJABAT PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

Tawaran Kantin Kakitangan/Pelawat/Pesakit Bagi Rumah Sakit Daerah Temburong

TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan untuk menyewa dan menguruskan sebuah kantin di Bangunan Pesakit Luar, dan mengendalikan Kantin Kecil (Snack Bar) Rumah Sakit Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam dengan syarat-syarat seperti berikut :—

1. Tawaran adalah untuk tempoh dua tahun.
2. Perkhidmatan hendaklah dilakukan pada jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam, tujuh hari seminggu termasuk hari-hari kelepasan awam.
3. Pemohon-pemohon yang berjaya sama sekali tidak dibenarkan menyewakan semula kepada orang lain dan jika didapati berbuat demikian kebenarannya akan dibatalkan.
4. Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon tempatan yang beragama Islam.
5. Permohonan yang dapat dipertimbangkan hanyalah mereka yang akan menyediakan makanan halal mengikut hukum Islam yang tertentu.
6. Kebersihan akan sentiasa diutamakan dan pemohon-pemohon yang berjaya akan dikehendaki mengikut segala arahan Pegawai Perubatan, Rumah Sakit Daerah Temburong untuk menjaga kebersihan dan keselamatan alat perkakas kantin.

7. Pemohon-pemohon hendaklah membayar wang cagaran (deposit) sebanyak \$300.00 (wang tunai) dan wang cagaran ini akan dikembalikan kepada semua pemohon-pemohon yang tidak berjaya.

8. Borang tawaran hendaklah disertakan dengan kenyataan yang telah lalu dan kerja penyajian yang pernah dibuat serta senarai makanan, minuman dan jenis masakan yang akan dijual termasuk harganya.

9. Segala tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan sampul surat itu mestilah ditutup rapi dengan tidak menaruh tanda-tanda atau nama pengirim kecuali dengan perkataan berikut :—

'TENDER KANTIN RU-
MAH SAKIT DAERAH
TEMBURONG'

10. Permohonan akan ditutup pada hari Isnin 29 Jun, 1987 jam 12.00 tengah hari.

11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/MTB/167/1987

Tajuk kerja : ELECTRICAL INSTALLATION FOR THE PROPOSED OF 5 BLOCKS CLASS "C" QUARTERS, RBAF AT FIRST FLOTILLA BASE, MUARA.

Cengkeram : \$200.00.

Tarikh tutup : 17 Julai, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL.: PPL/MTB/165/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF PHILIPS LIGHTING SPARES

Tarikh tutup: 24 Jun, 1987.

Cagaran: \$100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/166/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF EARTH ROD AND CONNECTOR CLAMPS

Tarikh tutup: 17 Jun, 1987.

Cagaran: \$100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/171/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pem-

angunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF M.S. GLVD. STAY RODS, STAY WIRES AND THIMBLES

Tarikh tutup: 24 Jun, 1987.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/172/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF ALUMINIUM COLUMN

Tarikh tutup: 24 Jun, 1987.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/173/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF PHOSCO WB506 GEAR BOX AND

ACCESSORIES

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/174/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu,

Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF STREET LIGHTING CUT-OUTS

Tarikh tutup: 1 Julai, 1987.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. Tawaran	Keterangan	Wang Cagaran
UBD/E8/11/87	Membekal dan Menghantar "Equipment & Glassware for Biology Department"	\$750.00
UBD/E8/12/87	Membekal dan Menghantar Binoculars	\$200.00
UBD/E8/13/87	Membekal dan Menghantar Computer Network Systems	\$750.00

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.

Tarikh tutup: 24 Jun, 1987.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 24 Jun, 1987.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Universiti Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

Isnin-Khamis	8.30 pagi - 11.00 pagi
Sabtu	2.00 petang - 3.00 petang
	8.30 pagi - 10.00 pagi
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSAHA WARIS.

SURAT KUASA PESAKA No. 9/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah dibuat oleh Ng Cee Ngoh kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Woo Siew Shong yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah

Bandar Seri Begawan pada 23 Jun, 1987 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 18 Mei, 1987.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

BIL.: MINDEF/DFP/STB/08/87

MEMBEKAL: TRUCK CARGO 4 TON GS HIAB 4 x 4

BIL.: MINDEF/DFP/STB/09/87

MEMBEKAL: TRUCK CARGO 4 TON GS W/WINCH 4 x 4

BIL.: MINDEF/DFP/STB/10/87

MEMBEKAL: TRUCK CARGO 4 TON GS 4 x 4

BIL.: MINDEF/DFP/STB/11/87

MEMBEKAL: BUS SMALL 14 SEATER (MINI BUS)

BIL.: MINDEF/DFP/STB/12/87

MEMBEKAL: BUS LARGE 42 SEATER

BIL.: MINDEF/DFP/STB/RC 25

MEMBEKAL: BOOTS JUNGLE (Kontrak 2 tahun)

BIL.: MINDEF/DFP/STB/RC 26

MEMBEKAL: BOOTS DMS (Kontrak 2 tahun)

BIL.: MINDEF/DFP/STB/RC 27

MEMBEKAL: KASUT DMS (Kontrak 2 tahun)

Syarat-syarat Tawaran

- a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan dalam Peti Tawaran Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Tingkat 4, Jalan Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 10 Jun 1987.
- b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran dan Sebut-harga, Arah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison (Isnin hingga Jumaat).
- c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam pul surat biasa dan hendaklah ditutup rapat dan bahagian atas sampul surat hendaklah ditunjukkan dengan dan tajuk tawaran yang dikehendaki dan tarikh dan waktu penerimaan tawaran itu. Cagaran atau katalog-lampiran mestilah dibekal dengan Tawaran dan Sebut-harga, Arah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison. Gambar biasa tidak akan dilayan.
- d. Cagaran tawaran mestilah dibekal dengan gambar bagi tiap-tiap tawaran sebanyak 3000 ke atas akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar surat tawaran (bona-fide tender) setelah mengemukakan yang berjaya.

TAWARAN JKR, KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti berikut dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Tawaran berkenaan tanpa menyatakan nama pembekal dan menghantar kepada alamat di para satu memuatkan surat yang menyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerajaan, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran diserahkan atau dibekal kepada pembekal, dokumen-dokumen yang diserahkan hendaklah dimasukkan dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 32 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong Kelas AN untuk:

PROJEK No.: 87AR/000561

MEMPERBAIKI KEADAAN PARIT DI JALAN TIGA SELATAN SERIA KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1987.

Tarikh tutup: 22 Jun, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-Pemborong Kelas 'B' sahaja untuk:

a) PROJEK No: DDWS/GRU/87/01
IMPROVEMENT OF SPORTS, RECREATIONAL & ATTENTIONAL STRUCTURES & FACILITIES

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (Lukisan)

b) PROJEK No: DDWS/GRU/87/02
SERUSOP CAMP SECURITY FENCE AND GATE

Cagaran Tawaran: \$100.00 + \$100.00 (Lukisan)

SYARAT-SYARAT TAWARAN

a) Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkiah Garison, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 7 Julai 1987.

b) Dokumen-dokumen tawar-

an bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran dan Sebut-harga Jabatan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebut-harga, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d) Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) KERANI PENELITIAN :

- A) (Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan) (Bilangan Kod : 013 39-992)
B) (Di Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bilangan Kod : 050 39-992)

Tanggagaji : D. 3-4 EB. 5-6 — \$900-\$1785 sebulan.

Kelayakan :

- a) i) Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya termasuk mata pelajaran Ilmu Hisab.

ATAU

- i) Satu Mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian IV tidak kurang dari 3 tahun.
b) Pengalaman bekerja dalam bidang-bidang yang berkenaan atau yang berkaitan dalam perangkaan atau komputer adalah mendapat keutamaan.
c) Mestilah boleh menulis, membaca dan faham bahasa Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Unit Perancang Ekonomi :

Membuat penyusunan dan penelitian perangkaan-perangkaan yang dikumpulkan oleh Kerani Perangkaan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Buruh :

- a) Menerima, menyemak dan meneliti laporan maklumat pekerjaan mengenai Banci Pekerjaan, Kadar Gaji, Pendapatan dan jam bekerja.
b) Mengira dan mengkodkan bagi borang BUR 700 dan 702 dan menyediakan perangkaan yang berkaitan dengannya.

2) IMAM : (Bilangan Kod : 104 14-122)

(Di Jabatan Arah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji : D. 2-3 EB. 4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur tidak kurang 25 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui ajaran-ajaran Agama Islam. Mereka mestilah bersedia menghadapi satu peperiksaan.
b) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardu Kipayah bila-bila masa dikehendaki.

3) TUKANG GAMBAR/PENYIMPAN PELAN :

(Bilangan Kod : 057 03-271)

(Di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : D. 1-2 EB. 3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- a) i) Satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Tukang Lukis tidak kurang dari lima tahun sama ada bergaji bulan, hari atau open vote.
b) Mempunyai prestasi kerja yang baik serta mahir penyusunan dan menyimpan pelan secara bersistem.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Bertanggungjawab kepada jurutera kerja kanan.
b) Menjaga dan menyimpan pelan secara teratur dan bersistem.
c) Menyediakan buku daftar pelan-pelan.
d) Memberikan bilangan kepada pelan-pelan secara bersistem.

4) PENGAWAS TINGKAT III :

(Bilangan Kod : 057 70-099)

(Di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : D. 1-2 EB. 3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- a) i) Berumur di antara 20 hingga 30 tahun.
ii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pengawas Kecil tidak kurang dari tiga tahun.
iii) Mestilah tegas dalam menjaga masa dan boleh mengawal ke atas buruh-buruh.

ATAU

- b) i) Satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa.
ii) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman sebagai Pengawas bergaji hari.

5) PEGAWAI LUAR : (Bilangan Kod : 025 15-909)

(Di Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- a) i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran, Lulus mata pelajaran Ilmu Alam, Ilmu Hisab atau Lukisan akan mendapat keutamaan.
ii) Sedang dan telah berkhidmat dalam Bahagian V dan mempunyai pengalaman tidak kurang dari tiga tahun dalam bidang yang bersesuaian.
b) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman mengenai hal ehwal kampung-kampung pedalaman, terutama pedalaman Daerah Tutong adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Mengatur dan mengawas dan mengawal buruh/pekerja di bawah jagaan masing-masing.
b) Memeriksa membuat laporan hasil kerja yang dibuat/diarahkan dan membuat laporan tentang peralihan buruh-buruh masing-masing dan prestasi mereka.
c) Membuat pemeriksaan terhadap hal ehwal tanah.
d) Memeriksa dan membuat laporan tentang kebersihan dan keindahan alam sekitar luar bandar, dan lain-lain kemajuan luar bandar.

6) PEMBANTU PERPUSTAKAAN :

(Bilangan Kod : 028 19-121)

(Di Institut Teknologi Brunei, Kementerian Pelajaran)

Tanggagaji : D. 1 EB. 2-3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- a) Dua mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu Peringkat Biasa dalam Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- b) i) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Mempunyai pengalaman kerjaya perpustakaan tidak kurang dari tiga tahun.
iii) Pernah mengikuti kursus dalam bidang perpustakaan merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Membantu kerja-kerja Pegawai Perpustakaan.
b) Bertugas di kaunter.
c) Penerimaan dan pengedaran buku-buku.

7) PENYELENGGARA ASRAMA :

(Bilangan Kod : 062 52-028)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji : D. 3-4 EB. 5-6 — \$900-\$1785 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur tidak kurang dari 30 tahun.
b) i) Tiga mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan penyelidikan dan pengurusan asrama tidak kurang dari lima tahun.

ATAU

- i) Sijil Pelajaran Rendah Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan penyelidikan dan pengurusan asrama tidak kurang dari tujuh tahun.
c) Mempunyai pengetahuan Agama Islam dan kepimpinan yang baik.
d) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Pengawasan semua kakitangan asrama termasuk penghuni-penghuni Asrama, Tukang-tukang Masak, Tukang-tukang Cuci, Pembersih dan lain-lain.
b) Menguruskan penerimaan dan pemesanan barang-barang perkhidmatan.
c) Mengawas hal-hal pemeliharaan bangunan asrama dan dapur asrama.
d) Menguruskan makanan bagi lebih kurang 60 orang.

8) PEMBANTU MAKMAL :

A) (Di Institut Teknologi Brunei, Kementerian Pelajaran) (Bilangan Kod : 028 05-488)

B) (Di Jabatan Sekolah-sekolah, Bahagian Pelajaran Teknik dan Latih Kerja, Kementerian Pelajaran) (Bilangan Kod : 028 05-487)

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- a) i) Dua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Sains Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) City and Guilds of London Institute Certificate No.: 755 Laboratory Science Assistance.
ATAU
iii) City and Guilds of London Institute Craft Certificate.
ATAU
iv) Sijil dari Institusi-institusi tempatan di peringkat craft atau yang sebanding dengannya.
b) Berkebolehan menguasai dua bahasa termasuk Bahasa Inggeris dan pengalaman dalam kerjaya makmal adalah satu kelebihan.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan

bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

(E/642/82)

Tarikh tutup : 4 Julai, 1987.

Bilangan Pendaftaran : (50/1987)

Sebagai Penolong Pesuruhjaya Buruh

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENOLONG PESURUHJAYA BURUH di Pejabat Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod :

050 20 — 427)

Tanggagaji : B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan :

- a) Umur tidak kurang dari 25 tahun.
b) i) Ijazah dalam Undang-Undang / Ekonomi/Perhubungan /Perindustrian /mata pelajaran Sains Kemasyarakatan dari Universiti-Universiti atau badan pengajian tinggi yang diiktirafkan oleh Kerajaan.

ATAU

- ii) Higher National Diploma serta 5 tahun pengalaman dalam bidang yang bersesuaian dan berkaitan dengannya.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan Pengurusan Buruh Antarabangsa, Kesatuan Sekerja dan di samping membantu Pesuruhjaya Buruh dan Timbalan Pesuruhjaya Buruh dalam urusan Pentadbiran Pejabat Buruh.
b) Menyelidiki dan melicinkan perjalanan semua bahagian dan cawangan Pejabat Buruh, menjalankan tugas-tugas pentadbiran Jabatan Buruh dan bagi perkara-perkara dasar perhubungan dan pengambilan pekerja asing, penguatkuasaan undang-undang tambahannya serta lain-lain perkara yang berkaitan.

- c) Penolong Pesuruhjaya Buruh akan menjalankan ta-

nggungjawab yang besar yang menggunakan dalam melaksanakan kerja-kerja jabatan ini dalam lingkungan dasar am yang telah ditetapkan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 28 Julai, 1987.

(Bilangan Pendaftaran :

55/1987)

(E/127/73)

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi membekal SEARCH AND RESCUE EQUIPMENT (including CONSOLE MODULES).
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan

TAWARAN BAGI MEMBEKAL SEARCH AND RESCUE EQUIPMENT (including CONSOLE MODULES) BAGI JABATAN PENERBANGAN AWAM

Bilangan Tawaran : JPA/AT/87/4

tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perhubungan
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,
Jalan Elizabeth II,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 24 Jun, 1987.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh didapati dari pejabat Pengarah Penerbangan Awam Tingkat 4, Bangunan Operation, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan cajaran \$100.00.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN



NOTIS TENDER B.S.P. BIL. SSU 5/87

Bil.	Jumlah	Huraian
01	1 lot	Peralatan Kantin Terpakai terdiri dari: 2 Freezer 2 Petisejuk S.S. Model No.: AF2455 S. No.: 765136 20 Meja Kantin permukaan formica
02	6 buah	Asselbergs dan Nachenius Axial Fan (Air Driven) Jenis: SMR 10-4 Fabk. No.: 7276-80
03	1 buah	Petter Petrol Portable Pam Air Cooled Jenis: AA1 S. No.: 142995
04	1 buah	Mesin Stensil Roneo Duplicator S. No.: 42252
05	1 unit	Daf Trailer 20 kaki Jenis: AVW6-12-2 Chassis No.: 5264-74 Berat Kenderaan Bersih: 12000 kg
06	1 set	Perakam Video Sony Model No.: SL-8000 E Sony Video Camera Model No.: AVC-3450 CE S. No.: 17930 Perakam Video Bimbit Sony Model No.: AV-3420 CE S. No.: 24492
07	15 buah	Lark Descaling Air Driven Tube Cleaners Berserta 1 lot rod-rod dan berus-berus wayar Model No.: GD 250
08	1 unit	Bot Aluminium De Havilland 16 kaki. Berserta 2 wheel trailer S. No.: 8105.252
09	1 unit	Motorsangkut Johnson 40 HP Berserta Tangki Minyak Model No.: 40R79E S. No.: 1140958
10	1 unit	Motorsangkut Johnson 20 HP Berserta Tangki Minyak S. No.: 1125128
11	1 lot	Tayar serta Rim terdiri dari: 2 Buah Saiz 10.00-20 (14 ply) 2 Buah Saiz 6.00-16 (6 ply) 4 Buah Saiz 8.25-16 (14 ply) 1 Buah Tayar sahaja 9.00-16 (10 ply) 1 Buah Tayar sahaja 16.9/14-28 (8 ply)

Perhatian

- Benda-benda di atas boleh dilihat pada waktu 0730-1500 pada hari-hari bekerja di bangunan LFA Brunei LNG Sdn. Bhd., Lumut.
- Urusan untuk melihat benda-benda ini atau untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi:
LFA/12,
Brunei LNG Sdn. Bhd.,
Lumut,
(Telefon LNG241, 242 atau 243)
- Benda-benda akan dijual atas dasar "sebagaimana keadaannya, di mana ianya".
- Tarikh tutup menerima tender ialah pukul 0900 pada 22 Jun, 1987 di Peti Tender Ibu Pejabat. Tender hendaklah dialamatkan di dalam sampul surat yang tertutup kepada:
Pengerusi,
Lembaga Tender,
Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad,
Seria,
Negara Brunei Darussalam.
Tercatat: "Notis Tender B.S.P. Bil. SSU /587"
- Semua tender hendaklah disertakan dengan deposit 10% dari jumlah yang di tender dalam bentuk cek yang dibayar kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Sdn. Bhd., Setia yang boleh dibayar balik jika tidak berjaya. Bagi manapun, deposit akan hilang jika penender yang berjaya berhasrat untuk menarik balik tendernya, dan tender yang tidak disertakan dengan deposit 10% tidak akan dipertimbangkan. Penyerahan tender akan dikira sebagai penerimaan penender akan syarat-syarat biasa menender yang dikenakan oleh syarikat yang mana butir-butirnya boleh didapati apabila dikehendaki dari Pejabat SSU/15, NIA, Setia, Negara Brunei Darussalam.

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

- TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
(a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)
ATAU
(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 189 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AR/26302

CADANGAN KERJA-KERJA MEMPERBAIKI PADANG SEKOLAH RENDAH AWANG HAJI MOHD YUSOF KATI MAHAR, BATU 13, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 29 Jun, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 190 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PTN017

PEMBINAAN SEBUAH PEJABAT DI STESEN PERTANIAN BIRAU, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 17 Jun, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 191 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas 'A' & 'B' yang berdaftar untuk:

PROJEK No.: AD501/0601

PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN PENEMPATAN SEMULA BAHAGIAN KERANTIN TUMBUH-TUMBUHAN JABATAN PERTANIAN DI BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 17 Jun, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 192 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD429/0401

PEMBINAAN DAN PENYIAPAN STESEN KAJI-

CUACA YANG BARU DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 17 Jun, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 193 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/01901

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN DAN PEMERBAIKI BAIKI PARIT KONKRIT TETULANG KEDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 17 Jun, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00

BIL: JKR 194 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD505/0801

PUSAT KOMERSIAL DAN PERDAGANGAN JALAN CATOR, (SUPER-STRUCTURE PHASE 1) — NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 20 Jun, 1987.

Cagaran tawaran: \$10,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 195 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PTN027

PEMBINAAN SEBUAH TEMPAT PENARIKAN KENDERAAN DI STESEN PERTANIAN BIRAU, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 24 Jun, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 196 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PEL041

PEMBINAAN STOR BAGI SEKOLAH KENDANG KUPANG, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 Jun, 1987.

Tarikh tutup: 24 Jun, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

NOTIS TAWARAN

MENCETAK BUKU BIL.: (3)/1987 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- TAWARAN dipelawa dari pada pencetak-pencetak dari Kategori A yang berdaftar dengan jabatan ini untuk mencetak sebanyak empat buah tajuk buku di bawah Kategori A.
4 Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang bertajuk "Tawaran yang bertajuk Tingkat Empat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam" dan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 Jun, 1987.
- Dokumen dan penentuan-penentuan mencetak buku ini bolehlah diperolehi dari Bahagian Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.
- Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjurusan sebelah kiri sampul surat tersebut hendaklah dibubuh perkataan: TAWARAN MENCETAK BUKU DBP BIL.: (3)/1987.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran atau kepada tawaran yang paling rendah.

NOTIS TAWARAN MENCETAK BUKU BIL.: (4)/1987 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- TAWARAN dipelawa dari pada pencetak-pencetak dari Kategori A dan B yang berdaftar dengan jabatan ini untuk mencetak sebanyak tujuh buah tajuk buku di bawah Kategori B.
- Dokumen dan penentuan-penentuan mencetak buku ini bolehlah diperolehi dari Bahagian Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.
- Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjurusan sebelah kiri sampul surat tersebut hendaklah dibubuh perkataan: TAWARAN MENCETAK BUKU DBP BIL.: (4)/1987.
- Semua tawaran hendaklah

dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan atau dikirim kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran
Bangunan Kementerian Kewangan
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 Jun, 1987.

MUTU pengadilan akan pincang dan imej persatuan akan tergugat seandainya pengadilan-pengadil tidak memahami kehendak persatuan atau tidak jujur dan ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pengadil.

Yang Dipertua Persatuan Pengadil Bola Sepak Brunei, Awang Johari bin Haji Awang berkata mana-mana persatuan dalam Persatuan Bola Sepak Asia (AFC) tidak menyukai ahli-ahlinya yang sengaja meninggalkan kewajipan dengan sesuatu alasan, sama ada alasan itu munasabah atau tidak.

"Dalam keadaan begini, mutu pengadilan kita akan pincang dan imej kita dengan sendirinya tergugat di mata kedua-dua pasukan yang bertanding, begitu juga di mata BAFA dan juga badan-badan

Jika pengadil tidak memahami kehendak persatuan:

PENGADILAN AKAN MENJADI PINCANG

penganjur termasuk jabatan yang menaungi kita iaitu Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan," katanya.

Berucap di pembukaan rasmi mesyuarat Persatuan Pengadil Bola Sepak Brunei di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Ahad lepas, Awang Johari menjelaskan, kejohanan-kejohanan bola sepak semakin meningkat sehingga melebihi nisbah bilangan pengadil.

"Jadi dalam perkara ini kita perlu menitikberatkan dengan mendahulukan perlawanan yang diutamakan dan mengkemudikan mana yang kurang utama," jelasnya.

Beliau kemudiannya merasa kagum melihat terdapatnya beberapa orang ahli yang berkebolehan dalam pelbagai jenis sukan selain berkebolehan sebagai pengadil.

Dalam pada itu beliau menyeru mereka itu supaya mengutamakan pengadil sebagai kerjaya utama di samping bidang lain.

Menurutnya bidang pengadilan tidak begitu bergerak cepat seperti negara-negara lain yang mana mereka begitu mudah mendapat ahli-ahli baru berbanding dengan kita di sini.

Katanya, "Mengikut pengalaman apabila mana-mana kursus diadakan hanya 30 peratus saja yang hadir dan jika kita mengadakan ujian peratus lulus lagi rendah bilangannya."

Setakat ini Persatuan Pengadil Brunei mempunyai 106 pengadil iaitu tiga orang bertaraf kebangsaan, 10 orang bertaraf kelas satu, 25 orang bertaraf kelas dua, dan 71 orang bertaraf kelas tiga.



YANG Dipertua Persatuan Pengadil Bola Sepak Brunei, Awang Johari bin Haji Awang (tiga dari kiri) ketika memberikan ucapan di pembukaan rasmi mesyuarat Persatuan Pengadil Bola Sepak Brunei (atas). Sementara gambar bawah pula kelihatan sebahagian daripada pengadilan-pengadil yang menghadiri mesyuarat tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.




Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

Perjumpaan antara Majlis BDAFA dan pengadil

AHLI-AHLI Majlis Persatuan Bola Sepak Amatir Daerah Belait dan pengadilan-pengadil bola sepak daerah itu akan mengadakan majlis perjumpaan, Ahad ini. Ia bertempat di Kelab Ria Kuala Belait, bermula pukul 9 pagi. Semua ahli majlis persatuan itu dan pengadilan-pengadil diminta hadir.



Skuad Piala Malaysia Negara:

ADUNAN PEMAIN-PEMAIN LAMA DAN BARU

ADUNAN pemain-pemain lama dan baru akan membarisi wajah skuad Piala Malaysia Brunei tahun ini. Perubahan baru itu dijangkakan akan memberikan tentangan hebat kepada pasukan-pasukan lawan.

Pengurus Pasukan Pengiran Yusof berkata sebahagian besar pemain-pemain tahun ini adalah muka-muka baru yang dipilih dari pasukan sekolah-sekolah 18 tahun ke bawah dan juga pemain-pemain dari kejohanan liga bola sepak kebangsaan. Hanya terdapat

sembilan orang pemain lama saja yang kekal dalam skuad itu.

"Pemain-pemain yang ada sekarang adalah kebanyakannya muka-muka baru yang dipilih daripada skuad sekolah-sekolah bawah 18 tahun, dan juga dari kejohanan liga kelab-kelab anjuran BAFA. Dari kejohanan itu kita memilih pemain-pemain yang berkebolehan," jelasnya.

Menyentuh mengenai latihan pula, skuad itu telah memulakan latihan pada bukan Oktober tahun lalu

dan kemudian diteruskan hingga ke bulan puasa dan terus ke hari ini.

"Persiapan kita bermula pada Oktober tahun lepas iaitu latihan berkala tiga kali seminggu dengan menekankan segi fizikal, kawalan bola, dan fitness," tegasnya.

Mengenai pertemuan dengan Pahang dan Terengganu pada 12 dan 15 Jun ini, beliau menjelaskan dengan adanya azam dan semangat yang tinggi pemain-pemain, harapan untuk menang mungkin cerah.

"Dalam pertemuan-pertemuan itu nanti kita akan cuba menunjukkan permainan yang baik dan tidak mustahil kita menundukkan Pasukan Pahang dan Terengganu di padang sendiri," tambah beliau.

Dalam perlawanan di padang sendiri Brunei akan bertemu Pahang pada 12 Jun, bertemu Terengganu pada 15 Jun, Singapura 10 Julai, Perak 13 Julai, Kedah 31 Julai, Sarawak 3 Ogos, Selangor 7 Ogos dan Pulau Pinang 10 Ogos.

Sukan orang-orang cacat kali pertama berlangsung pada 14 Jun depan

KIRA-KIRA 140 orang cacat dari seluruh negara akan menyertai sukan bagi orang-orang cacat pada 14 Jun depan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Sukan kali pertama itu dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan sebagai salah satu kegiatan sempena Tahun Kebajikan Kebangsaan yang telah pun dilancarkan pada 22 Disember tahun lalu.

Pengerusi penganjur sukan itu, Awang Hj. Abdullah Hj. Saman menyatakan sejumlah 39 acara akan dipertandingkan dan dua daripada acara-acara tersebut pula dikhususkan kepada para jemputan dan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi pengelola sukan orang-orang cacat.

Menurutnya acara-acara yang dijangka menarik dalam sukan itu nanti ialah aksi-aksi orang-orang cacat penglihatan yang berlari di atas 'trek' dengan hanya berpadukan kepada bunyi. Di samping itu, juga dijangka menarik perhatian ialah acara kanak-kanak yang juga turut serta dalam sukan ini.

"Saya rasa acara tersebut tentu sekali menarik perhatian orang ramai, kerana apa yang akan kita lihat nanti

ialah kemampuan orang-orang cacat dalam bersukan sebagaimana orang-orang biasa," ujarnya.

Selain daripada itu, menurutnya lagi, sukan itu juga antara lain akan memilih peserta-peserta yang berpotensi dalam sukan bagi mewakili negara dalam kejohanan-kejohanan sukan orang-orang cacat di luar negeri.

"Sekali gus sukan ini merupakan sebagai persiapan awal bagi kita menentang mereka yang berkebolehan dan seterusnya mengasuh bakat-bakat mereka bagi menghadapi kejohanan-kejohanan yang bertaraf antarabangsa di masa-masa akan datang," katanya.

Pada tahun lepas Brunei Darussalam pernah menyertai sukan orang-orang cacat (PESPIC) di Indonesia di mana dalam kejohanan itu peserta negara ini memperolehi beberapa kejayaan.

Sukan bagi orang-orang cacat ini dijangka akan dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Dato Paduka Dr. Haji Johar. Sehubungan dengan itu orang ramai dialu-alukan untuk hadir menyaksikan sukan tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berangkat menerima sembah ucapan Selamat Hari Raya dari kalangan kaum wanita di Istana Nurul Iman.



ADIK ini begitu gembira bersalaman dengan DTYM Pengiran Isteri Hajah Mariam dengan ditemani oleh DTYM Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Sentiasa dedikasi

Dari muka 1

anak tempatan telah pun menyandang serta mengisi jawatan-jawatan tinggi dalam ABDB yang mana dahulunya dipegang oleh pegawai-pegawai pinjaman daripada Angkatan Bersenjata Paduka Seri Baginda Queen," titah Baginda.

Baginda seterusnya bertitah adalah menjadi hasrat Baginda dan juga Kerajaan Baginda akan sentiasa memberikan perhatian yang penuh dan teliti, di samping bidang-bidang lain ke atas perkembangan dan kemajuan ABDB.

"Dengan cara demikian, ianya akan dapat membentuk ABDB sebagai benteng dan ketumbukan pertahanan negara yang benar-benar berkesan, efisien, dan mempunyai credibility di dalam menjamin keselamatan, kemerdekaan dan kedaulatan negara serta maruah bangsa dan kesucian ugama," titah Baginda.

Bagi mencapai matlamat itu, titah Baginda, ABDB akan sentiasa diperlengkapkan dengan peralatan yang sophisticated mengikut perkembangan teknologi ketenteraan dan kehendak negara dari masa ke semasa dengan bersandarkan kepada pergolakan di sekitar kita sama ada serantau mahupun antarabangsa.

"Dalam pada itu, latihan-latihan khusus dan mahir akan sentiasa diberikan kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota ABDB baik di dalam mahupun di luar negeri," titah Baginda.

Baginda seterusnya berharap pegawai-pegawai dan anggota-anggota ABDB akan dapat melihat dan menilai kembali prestasi dan kejayaan yang telah dicapai di tahun-tahun kebelakangan, dan berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan daya usaha itu.

KEMENTERIAN PERTAHANAN AKAN TUBUH PASUKAN SIMPANAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa Kementerian Pertahanan akan menubuhkan Pasukan Simpanan penghujung tahun ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, pada peringkat awal, pasukan itu akan dianggotai oleh bekas-bekas perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang mana akan dibentuk pada penghujung tahun ini, insya-Allah.

"Menuju ke arah ini persediaan-persediaan dan langkah-langkah awal telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan Beta," titah Baginda.

Titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersebut telah dibacakan oleh Ketua Turus ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad sempena hari ulang tahun penubuhan ABDB baru-baru ini.

Titah Baginda, di dalam usaha mengemaskinkan sistem pertahanan negara dan juga membolehkan ABDB bertindak balas yakni respond ke atas setiap jenis ancaman yang mungkin dihadapi, berbagai langkah telah pun dirancang dan dikenal pasti oleh Kementerian Pertahanan dengan mengadakan pengkajian yang mendalam dan terperinci.

Di samping itu titah Baginda lagi dalam usaha menjaga kepentingan negara terutama keselamatan perairan dan perbatasan, Kementerian Pertahanan telah merancang serta menetapkan kepada Tuan Yang Terutama Giani Zail Singh,

kelengkapan moden dan teknologi tinggi di mana apabila terlaksana nanti akan dapat menimbal kekurangan-kekurangan sistem pertahanan yang terdapat pada masa ini.


"Adalah diharapkan, apabila ianya dilaksanakan nanti, pegawai-pegawai dan anggota-anggota ABDB akan mengambil peluang latihan-latihan sistematik dari com-

prehensive yang diberikan dengan sepenuhnya iaitu dengan cara memahirkan diri masing-masing dalam setiap latihan dan mempelajari serta menimba pemindahan teknologi tentera yang diberikan itu nanti," titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua anggota

dan pegawai ABDB yang telah berkhidmat dengan taat setia, jujur dan efisien dalam melaksanakan tugas-tugas mengikut tatatertib dan peraturan yang telah ditentukan oleh ketua-ketua.

"Beta yakin semangat kerjasama dan disiplin yang tinggi yang telah ditunjukkan itu akan berterusan dan dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa," titah Baginda.



GAMBAR di atas menunjukkan Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Jeludin menyampaikan Surat Perintahnya kepada Tuan Yang Terutama Giani Zail Singh, Presiden Republik India di kediaman rasmi Presiden di New Delhi. (Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri).

Serah Surat Tauliah sebagai P T ke India

TUAN Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Jeludin bin Pengiran Mohd. Limbang, baru-baru ini telah menyampaikan surat tauliah perlantikan beliau selaku Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik India yang tidak menetap kepada Tuan Yang Terutama Giani Zail Singh,

Presiden Republik India. Majlis itu berlangsung di kediaman rasmi Tuan Yang Terutama Presiden di Rashtra pati Bhawan, New Delhi pada 2 Jun 1987.

Sejurus sebelum upacara penyerahan surat perlantikannya, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji

Jeludin, telah menerima barisan kehormatan, di luar kawasan kediaman rasmi Tuan Yang Terutama Presiden.

Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Jeludin adalah juga Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia.

Kesedaran belia Islam

BERAKAS. — Kesedaran para belia dalam menyemarakkan hari raya sangat membangkitkan lebih meyakinkan bahawa tanggungjawab belia dalam menjaga mereka menjadi masyarakat berguna berpedoman.

"Kita beruntung dan mengetahui para belia yang mengikuti alim pedoman Islam," kata Dato Paduka Awg. Haji Muhammad bin Haji Saad, Pegawai Daerah Brunei Muara kepada belia PERBEKAL baru-baru ini.

Dato Paduka Haji Muhammad percaya langkah yang diambil oleh para belia akan dapat membawa kehidupan mereka lebih selamat dan sejahtera, menghindarkan mereka dari terumbang-ambing dan jerumus daripada gejala anti sosial yang meragukan.

Dato Paduka Haji Muhammad menegaskan semangat ketika berucap di Majlis tadarus dan sembah khatam Al-Quran yang dianjurkan oleh Pesuruhjaya Kampung Lambak di P. G. Razali bin Pg. Ma' ini baru-baru ini.

Menurutnya, adanya pegangan beragama dan mengikut agama itu juga boleh membantu kita bersekolah benteng tebal bagi percubaan-perubahan luaran yang terus mencemarkan peradaban kekukuhan umat Islam.

Dato Paduka Haji Muhammad berkata para belia haruslah sedar dan waspada terhadap pengaruh gerakan-gerakan yang ingin menyelewengkan pegangan dan membalak umat Islam menikmati pembangunan kemajuan dengan aman.